



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

ZAINUDDIN BIN ABDULLAH

SEJARAH BANGUNAN

PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN

OLEH:

AISHATUR HADZIRAH BINTI ABDUL HAMID  
ANIS SYAKIRAH BINTI SHARIZAL  
FATIN ATIRAH BINTI NOKMAN

2017969907  
2017312671  
2017513639

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

UiTM CAWANGAN KELANTAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (MAC-JULAI 2019)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK ZAINUDDIN BIN ABDULLAH  
SEJARAH BANGUNAN  
PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN

OLEH:

AISHATUR HADZIRAH BINTI ABDUL HAMID	2017969907
ANIS SYAKIRAH BINTI SHARIZAL	2017312671
FATIN ATIRAH BINTI NOKMAN	2017513639

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT  
UiTM CAWANGAN KELANTAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC-JULAI 2019)

# PENGHARGAAN

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah dan syukur kehadrat llahi kerana dengan izin dan kurniaaNya, kami dapat menyempurnakan tugasan bagi subjek Oral History (IMR 604) ini. Sepanjang menjalankan tugasan ini, kami telah memperoleh pelbagai pengetahuan yang amat berharga dan bermakna dalam hidup kami sebagai seorang pelajar.

Dikesempatan ini, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan tugasan ini. Kami amat berterima kasih kepada pensyarah kami terutamanya iaitu Puan Nurulannisa binti Abdullah kerana beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada kami dalam usaha menyempurnakan tugasan yang telah diamanahkan. Terima kasih juga kerana sudi menerima kami sebagai pelajar dan sentiasa memberi tunjuk ajar yang berkesan sehingga kami dapat mengetahui cara untuk menemuramah tokoh dan membuat transkrip yang sempurna

Tidak ketinggalan, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada En. kerana telah sudi menerima kunjungan kami untuk menemu bual beliau mengenai sejarah bangunan Muzium Negeri Kelantan. Segala maklumat. Pengalaman serta ilmu yang telah dikongsikan amatlah berguna dan berharga dalam proses melengkapkan tugasan ini dengan lebih sempurna dan untuk kegunaan kami pada masa hadapan.

Sehubungan dengan itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada keluarga kami yang telah banyak memberi sokongan kepada kami iaitu dari segi moral dan bantuan kewangan bagi menyelesaikan tugasan ini. Selain itu, kami juga turut berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan kami kerana telah banyak menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi merealisasikan tugasan ini dengan jayanya.

# **ISI KANDUNGAN**

## **ISI KANDUNGAN**

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA</b>
	<b>SURAT</b>
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Senarai Singkatan.....	iv
Biodata Penemubual Dan Tokoh.....	v-vi
Pengenalan.....	vii
Kajian Literatur.....	viii-ix
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01-08
Bahagian 2: Latar Belakang Pendidikan.....	09-12
Bahagian 3: Latar Belakang Pekerjaan.....	13-20
Bahagian 4: Asal Usul Bangunan.....	21-59
I.     Sejarah	
II.    Reka Bentuk	
III.   Pengurusan	
Bahagian 5: Cabaran.....	60-61
Bahagian 6: Kejayaan Dan Harapan.....	62
Rujukan.....	
Lampiran	
Log Wawancara.....	63-66
Diari Kajian.....	67-68
Senarai soalan.....	69-75
Surat Perjanjian.....	76
Gambar.....	77-78
Indeks.....	79

# ABSTRAK

## **ABSTRAK**

**Abstrak:** Temubual ini adalah diantara pelajar bersama tokoh iaitu Encik Zainuddin Binti Abdullah mengenai sejarah dan asal usul bangunan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Transkrip temubual ini dijalankan di Muzium Negeri Kelantan yang terletak di Jalan Hospital, Kota Bharu pada hari Ahad, 21 April 2019 bermula jam 11:00 pagi. Encik Zainuddin Binti Abdullah merupakan seorang pereka di Muzium Negeri Kelantan. Temubual ini juga turut menyentuh serba sedikit maklumat berkaitan latar belakang Encik Zainuddin Binti Abdullah. Ketika temubual ini dijalankan, kami dapat mengetahui banyak maklumat berkaitan bangunan Muzium Negeri Kelantan yang tiada diceritakan oleh mana-mana media social. Antaranya, asal usul sebenar bangunan Muzium Negeri Kelantan, struktur binaan, keunikan serta cabaran dan harapan Encik Zainuddin Binti Abdullah sepanjang beliau berkhidmat di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

**Kata kunci:** Muzium, Muzium Negeri, Muzium Negeri Kelantan, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

# **SENARAI**

# **SINGKATAN**

## **SENARAI SINGKATAN**

SINGKATAN	MAKSUD
MPKB	Majlis Perbandaran Kota Bharu
PMNK	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi MARA

# **BIODATA**

# **PENEMUBUAL**

## **BIODATA PENEMUBUAL**

### **PENEMUBUAL 1**



<b>Nama</b>	Aishatur Hadzirah Binti Abdul Hamid
<b>Nombor Matrik</b>	2017969907
<b>No Telefon</b>	0111449####
<b>Asal</b>	Sungai Petani, Kedah
<b>Emel</b>	aishaturhadzirah13@gmail.com
<b>Umur</b>	22 tahun

### **PENEMUBUAL 2**



<b>Nama</b>	Fatin Atirah Binti Nokman
<b>Nombor Matrik</b>	2017513639
<b>No Telefon</b>	01692####
<b>Asal</b>	Parit Buntar, Perak
<b>Emel</b>	fatinnnatirahhh97@gmail.com
<b>Umur</b>	22 tahun

# **BIODATA TOKOH**

## **BIODATA TOKOH**

### **PENCERITA/TOKOH**



<b>Nama</b>	Encik Zainuddin Bin Abdullah
<b>Nama Samaran</b>	Encik Din
<b>Tarikh Lahir</b>	16 November 1962
<b>Tempat Lahir</b>	Kota Bharu, Kelantan
<b>Tempat Tinggal</b>	Kota Bharu, Kelantan
<b>Jawatan</b>	Pereka B19

# PENGENALAN

## **PENGENALAN**

Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah ditubuhkan pada tahun 1990. Bangunan Muzium Negeri Kelantan adalah sebuah bangunan batu. Sebelum bangunan itu dijadikan bangunan Muzium, ia merupakan bangunan pejabat bagi Majlis Perbandaran Kota Bharu yang ditubuhkan pada tahun 1844. Bangunan tersebut telah dibaik pulih dan dibuat beberapa perubahan sesuai dengan sebuah Muzium. Pada Tahun 1988, bahagian dalam bangunan Muzium ini telah diubah dengan menambah setengah tingkat lagi dan menyediakan ruang-ruang untuk membahagikan aliran cerita yang ditetapkan bagi Muzium ini. Setelah diambil alih oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, pembukaan sebagai Muzium Negeri telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan pada 6 Ogos 1990.

Muzium Negeri terletak bersebelahan Bulatan Medan Tuan Padang dalam kompleks bangunan Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu. Dalam kompleks yang sama juga terletak Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (T.I.C). Aliran pameran Muzium negeri ini adalah seperti berikut. Ruang awalnya mempamerkan sejarah negeri Kelantan semenjak awal hingga kepada era moden. Pada bahagian setengah tingkat di atas pula diadakan pameran mengenai Seni Budaya Negeri Kelantan; termasuklah peralatan permainan wayang kulit rebana ubi makyong menora dan lain-lain. Pada bahagian bawah bangunan pula selain daripada ditampilkan Sejarah Negeri Kelantan ditempatkan juga pejabat am Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Pejabat Pengarah Muzium dan lain-lain bahagian.

**KAJIAN  
LITERATUR**

## **KAJIAN LITERATUR**

Sejarah lisan adalah satu kaedah yang penting dalam merakam peristiwa lampau yang pernah ditempuhi oleh seseorang. Melalui sejarah lisan, rekod-rekod sejarah berkenaan suatu peristiwa dapat dilengkapkan kerana sebahagian maklumat masih tersimpan di dalam memori individu yang terlibat. Satu-satunya kaedah pengumpulan maklumat dalam sejarah lisan ialah temubual atau wawancara yang dijalankan ke atas individu tertentu. Temubual sejarah lisan ini merangkumi berbagai lapisan masyarakat agar satu perspektif baharu tentang peristiwa-peristiwa sejarah dapat dihasilkan.

Sejarah lisan merupakan kajian yang dapat menyimpan data masa lampau walaupun tempoh masa dan peristiwa telah berlalu. Ia wujud dalam waktu berlakunya penemuan-penemuan baharu dan teknologi moden yang bersesuaian dengan perkara-perkara yang semakin kompleks seperti politik, kewangan, perniagaan, sastera dan kehidupan moden. Kajian sejarah lisan dikatakan sangat menarik kerana penyelidik akan bertemu dengan pelbagai pengalaman baharu, melihat sejarah daripada aspek yang pelbagai, serta mengenali lebih banyak personaliti manusia. Ia merupakan satu bidang kajian yang amat luas meliputi pelbagai golongan masyarakat seperti orang biasa, pemimpin masyarakat, gabenor, menteri kabinet, penulis terkenal, pengarang, korporat dan sebagainya (Rozeman, 2004).

Bangunan bersejarah yang penuh dengan nilai warisan dan tinggi nilai estetikanya harus dikekalkan sebagai sumber penceritaan sejarah yang efektif bagi generasi akan datang. Selain menjadi pencerita sejarah sesebuah bandar, bangunan bersejarah juga memiliki nilai estetikanya yang tersendiri dan unik yang tidak terdapat pada kebanyakan binaan bangunan moden. Bangunan bersejarah didefinisikan sebagai suatu bangunan atau kumpulan bangunan yang berasingan atau bersambungan yang disebabkan seni binanya, kehomegenannya atau tempatnya dalam lanskap, mempunyai nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, seni atau sains (Jabatan Warisan Negara 2009). A. Ghafar (2000) pula menyatakan bahawa bangunan bersejarah sebagai bangunan yang mempunyai unsur sejarah, budaya dan nilai seni bina yang tinggi. Menurut Kamarul Syahril Kamal (2007), bangunan bersejarah terdiri daripada pelbagai kategori antaranya bangunan pentadbiran, institusi, monumen, perdagangan, keagamaan dan kediaman.

Oleh itu, berkenaan dengan subjek sejarah lisan (IMR 604) bangunan bersejarah yang telah dipilih ialah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan (PMNK). Muzium Negeri Kelantan telah ditubuhkan pada tahun 1990 bertempat di bangunan lama Majlis Perbandaran Kota Bharu, Jalan Hospital yang telah diwartakan sebagai salah sebuah bangunan bersejarah dibawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (AKTA 645). Muzium Negeri telah dirasmikan pembukaannya oleh KDYMM Al-Sultan Kelantan pada 6 Ogos 1990. Muzium Negeri terletak bersebelahan Bulatan (Medan) Tuan Padang dalam kompleks bangunan Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu. Dalam kompleks yang sama juga terletak Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (T.I.C). Bangunan Muzium Negeri Kelantan adalah sebuah bangunan batu. Sebelum dijadikan Muzium ianya merupakan pejabat bagi Majlis Perbandaran Kota Bharu. Bangunan tersebut telah dibaikpulih dan dibuat beberapa perubahan sesuai dengan sebuah Muzium.

# **TRANSKRIP**

## **TRANSKRIP**

Rakaman ini berkisah mengenai sejarah bangunan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan yang dirakam pada 21 April 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat, Muzium Negeri Kelantan. Berikut adalah hasil rakaman perbualan.

Petunjuk:

EZ: Encik Zainuddin  
AH: Aishatur Hadzirah  
FA: Fatin Atirah

### **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG INDIVIDU**

**AH : Siapa nama encik ya? nama penuh?**

**EZ : Bismillahirrahmanirrahim assalamualaikumwarahmatullahhiwabarakatuh, nama saya Zainuddin bin Abdullah**

**AH : Kat [dekat] sini se-selalunya orang panggil apa dekat encik - nama timbangan?**

**EZ : Nama timbangan orang panggil encik juga orang kenal juga la.**

**AH : Kot la orang panggil Encik Din ka?**

**EZ : Encik Din boleh, mana-mana muzium kalau panggil encik Din kenal /alu [segera]**

**AH : Berapa umur encik sekarang?**

**EZ : Lebih kure [kurang] lima puluh - tujuh tahun, baru nak masuk lima puluh tujuh la bulan sebelas ni baru hari jadi.**

**AH : Berapa tarikh hari jadi encik?**

**EZ : Nebias [enam belas] bulan sebelas 1962.**

**AH : Encik asal Kelantan ka?**

**EZ : Kota Bharu.**

**AH : Dimana tempat tinggal encik?**

**EZ : Sekare [sekarang] ni tinggal di Bandar Bharu, Kubang Kerian.**

**AH : Selain daripada tinggal dekat Kelantan, encik pernah tinggal dekat negeri lain selain Kelantan?**

**EZ : Tak pernah – sejak lahir tinggal sini ja.**

**AH : Nama ayah encik Abdullah Bin ---?**

**EZ : Abdullah Bin Yusuf.**

**AH : Nama ibu encik?**

**EZ : Bidah Binti Latif.**

**AH : Encik ada berapa - orang adik beradik?**

**EZ : Ada ne [enam]. Enam orang.**

AH : Encik anak ke?

EZ : Saya anak sulung.

AH : Encik dah kahwin kan?

EZ : Dah, (Ketawa) takpa [tidak apa] tanya la.

AH : Bila encik kahwin dengan isteri encik?

EZ : Kahwin lebih *kure* [kurang] *dale* [dalam] *neblas* [enam belas] (bunyi lori) bulan sebelas juga tahun - tahun 1982 83 *gituh* [macam itu] lama dah la.

AH : Anak encik berapa orang?

EZ : Anak saya tujuh.

AH : Semua lelaki ka ada perempuan ka?

EZ : Pat [empat] laki tiga perempuan.

AH : Semua dah *kawen* [kahwin] la ka masih belajar?

EZ : Masih belajar sore [seorang] lagi pastu [selepas itu] *hok* [yang] belum *kawen* [kahwin] sore [seorang] lagi *hok* [yang] lain tu semua dah tua.

AH : Yang bekerja tu kerja *kat [dekat]* mana?

EZ : Kerja tu *qata-qata* [merata-rata] la. Kalau anak sulung tu kerja di sini – kerja di muzium. *Pastu* [selepas itu] anak kedua bekerja di Pejabat SUK [*Pejabat Setiausaha Kerajaan*] ketiga tu farmasi, sebelum pada farmasi tu *pastu* [selepas itu] yang ketiga tu cikgu, cikgu kafa gitu (Bunyi lori) \_\_\_\_\_.

AH : Semua anak encik tu umur berapa?

EZ : Umur *start* [bermula] daripada umur tiga puluh lima [35]. Yang sulung tiga puluh lima [35] dan yang bongsunya - tujuh belas [17].

AH : Tiga puluh lima [35] dah *kawen* [kahwin]?

EZ : Haa dah.

AH : Ada anak dah?

EZ : Ada dah.

AH : Encik dah ada cucu la?

EZ : Tiga *pat* [empat] *ore* [orang] dah.

AH : Adakah ibu bapa encik masih hidup?

EZ : Telah meninggal dunia

AH : Pada tahun bila?

EZ : Lebih kure [kurang] dalam lima [5] tahun lepas

AH : Mereka tinggal di mana masa itu?

EZ : Masa tu [itu] tinggal di kampung langgar

AH : Sepanjang emak ayah encik hidup, apakah pekerjaan yang mereka buat?

EZ : Yang ibu bapa buat? Mace [macam] mak ni meme [memang] suri rumah lah. Kalau ayah tu [itu] dia kerja kilang. Masa tu [itu] ada, dia ada kile-kile [kilang-kilang] kopi la. Buat kopi – kopi, serbuk kari apa semua tu [itu]

AH : Adakah ayah encik pernah melakukan pekerjaan yang lain?

EZ : takdak [tidak ada]

AH : Siapakah nama isteri encik?

EZ : Nama Jamilah. Jamilah binti Ibrahim

AH : Isteri encik bekerja ke tak?

EZ : Dia suri rumah.

AH : Sepanjang hidup encik, siapa idola encik?

EZ : Idola mace [macam] orang lain lah kan? Idola saya kalau ikut *tu* [itu] tok guru lah. *Sepanje-panje* [sepanjang-panjang] hidup saya (ketawa) tok guru Nik Aziz. *Tu* [itu] ja [saja] lah.

AH : Apa yang membuatkan encik jadikan tok guru Nik Aziz sebagai idola?

EZ : Sebab dia tu [itu] satu tu [itu] Ore-ore [orang-orang] agama. Turut [ikut] macam *tu* [itu] ja [saja] lah, turut [ikut] *hat* [yang] agama.

AH : Kiranya kalau ada ceramah tok guru ke, encik akan pi [pergi] lah?

EZ : Ha.

AH : Berapa kali selalu kalau encik pi [pergi]? (bunyi getaran telefon bimbit)

EZ : Selalu tu [itu] biasanya kalau tiap-tiap jumaat *tu* [itu] dia ada kuliah di pondok dia di masjid dia di pulau Melaka tu [itu]. Tiap-tiap jumaat. Kalau hari setengah \_\_\_. Lepas pada rumah dia tu, kita akan datang sini di dataran pas ni, sekarang ni dia panggil dataran medan ilmu, depan muzium kita ni. Tiap-tiap jumaat ada. Lepas tu ceramah-ceramah politik la kalau saya *gi* [pergi] pun (ketawa). *Tu* [itu] pun sikit-sikit la kita *tak* [tidak] minat sangat dengan politik *key* [kan].

AH : Apa nasihat-nasihat arwah tok guru yang encik ingat sampai sekarang sebagai idola encik?

EZ : Dianya banyak nasihat untuk kita buat amal untuk bawak mati la. Tu ja [sahaja].

AH : Antara yang encik ingat?

EZ : Dia kata berpese-pese [berpesan-pesan] pada kita buat baik pada ibu bapa, kita jange [jangan] buat benda-benda yang karut. karut marut jange [jangan] buat.

AH : Sejak daripada encik umur berapa, encik jadikan arwah tok guru sebagai idola?

EZ : Saya rasa umur dalam 20 lebih.

AH : Apakah hobi encik dari kecil hingga sekarang?

EZ : Saya ni [ini] meme [memang] hobi khusus tu takdak [tidak ada] /a. Tapi untuk biasa tu [itu] maine-maine [mainan-mainan] biasa tu [itu] takdak la. Kebanyaknya [kebanyakannya] main bola gitu [begitu] lah. Mana takdak [tidak ada] kata hobi sungguh-sungguh tu [itu] takdak [tidak ada]. Hobi-hobi banyak hobi (ketawa).

AH : Encik selalu main permainan tradisional tak?

EZ : Kalau kitore laki ni [ini] biasa main lastik burung gitu la. Bidah [lastik] burung. Pastu masa kita kecik-kecik dulu boleh main mace [macam] terjah ni la mace [macam] permaine [permainan] tradisional tu mace [macam] keting \_\_\_\_ Selipar ka. Main kejar - kejar mengejar gitu la. Ore [orang] dulu kan dia [memang] dia.

- AH : Boleh encik cerita sikit pengalaman manis dan pahit encik?
- EZ : Manis tu masa kita nak kahwin tu la (ketawa). Bila kita duduk *dale* [dalam] keluarga, memang *okay* [baik] la walaupun kita dale rumah tangga kita ada mertua. Benda *hok* [yang] tak baik sikitnya masa - masa kita duduk hari-hari ni bila kita makan gaji, bila kita *dale* [dalam] kesusahan kan gaji kita habis ataupun masa kita hidup ni kita kena ada juga kita sendiri kan tak kena mintak tolong orang lain kita cuba atasi sendiri la masalah-masalah hidup kita.

## BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

AH : Encik sekolah dekat mana dari sekolah rendah, menengah?

EZ : Saya bersekolah dari darjah satu hingga darjah *ne* [enam] tu di sekolah SK [Sekolah Kebangsaan] Langgar, Kota Bharu dekat dengan \_\_\_. Naik tingkatan satu *sampe* [sampai] tingkatan lima tu Sekolah Menengah Putra di kompleks sekolah-sekolah.

AH : Kalau encik pergi sekolah, adakah ayah encik yang menghantar encik?

EZ : Saya *ake* [akan] pergi sendiri.

AH : Jalan kaki?

EZ : Ya, jalan kaki.

AH : Encik ada masuk universiti mana-mana?

EZ : Tak ada, sampai *form 5* [tingkatan lima] ja.

AH : Pencapaian tertinggi akademik encik sampai *SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]* ia?

EZ : *SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]* (angguk).

AH : Apakah subjek kegemaran encik semasa di sekolah?

EZ : Biasa tu saya minat Sains lah.

- AH : Encik selalu dapat ‘A’ dalam subjek tersebut?**
- EZ : Tidak juga A tu tapi minat tu [itu] lah. Sebab kita mengamalkan pastu minat untuk buat.**
- AH : Pernahkah encik melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti kokurikulum?**
- EZ : Saya ada pengakap. Pengakap ja. Kita pergi kem-kem mana tu [itu].**
- AH : Daripada umur berapa encik masuk pengakap?**
- EZ : Masa tu [itu]. Masa sekolah rendah masa tu [itu]. Pastu [lepas itu] masa kita sekolah menengah tu *meme* [memang] aktif jugak situ la.**
- AH : Selalu pengakap masuk hutan kan? Apa lagi aktiviti yang encik buat dalam kelab pengakap tu? (bunyi kenderaan)**
- EZ : Kelab pengakap biasanya dia khemah la. Ha khemah jugak masa *male-male* [malam-malam] tu [itu] ada aktiviti-aktiviti dia untuk banyak benda la. Masak ka ha dia gitu. Masuk dalam cari-cari kayu apa semua.**
- AH : Sepanjang encik di sekolah, ramai tak kawan yang encik ada?**
- EZ : Ramai tu [itu] tidak juga. Sebab kita ni *meme* [memang] tak banyak kawan la. Sebab kita sekolah, sekolah. Balik sekolah kita terpaksa buat kerja rumah lain kan pastu *takleh* [tidak boleh] *turut* [ikut] kawan la. *Takleh* [tidak boleh]. *Takleh* [tidak boleh] *nak* [hendak] berkawan *mace* [macam] orang lain. *Takleh* [tidak boleh].**

AH : Kalau dalam kelas encik, ada *tak* [tidak] *sorang* [seorang] dua yang encik macam rapat?

EZ : Ada. *Meme* [memang] ada.

AH : Masih berhubung sampai sekarang ke dah lama *tak* [tidak] berhubung?

EZ : Sampai sekare [sekarang] *ni* [ini] ada ada sore [seorang] lah. Ha sore [seorang].

AH : Tadi encik cakap, encik sekolah sampai tingkatan lima kan? (bunyi kenderaan)  
Pernah *tak* [tidak] encik macam ada cita-cita dan keinginan *nak* [hendak]  
sambung universiti?

EZ : Cita-cita tu *meme* [memang] ada tapi *kemampuae* [kemampuan] *tu* [itu] kita *takdak* [tidak ada]. Kita susah kan. Kita pun jadi dengar sendiri kan apabila kita ada suatu-suatu masalah jadi *tak* [tidak] berapa rajin sangat. *Tak* [tidak] rajin (ketawa) belajar mana.

AH : Bila encik ada rasa keinginan *nak* [hendak] sambung belajar ke peringkat universiti dan *tak* [tidak] mampu, encik ada *tak rasa* kecewa?

EZ : *Meme* [memang] la. *Meme* [memang] rasa kecewa.

AH : Apa encik buat untuk tidak terlalu memikirkan rasa kecewa tu?

EZ : Kita *takdak* [tidak ada]. Kita *pikir* [fikir] *kija* [kerja] la. Kita cuba mohon *kija* [kerja]. Pastu kita *mace* [macam] awal-awal tu kita pergi *kija* [kerja] tu kawan-kawan kan \_\_\_\_ pastu balik rumah. Kita buat *kija* [kerja] *tu* [itu] untuk tolong ibu bapa kita la apa

tu misal kata nak beli *bare-bare* [barang-barang] rumah ka jadi kita anak sulung ni yang perlu buat semua tu untuk ibu bapa kita nak apa-apa pun.

### BAHAGIAN 3: LATAR BELAKANG PEKERJAAN

AH : Sebelum encik kerja *kat [dekat] sini*, apa pekerjaan pertama yang encik buat?

EZ : Pekerjaan pertama masa umur *neblas* [enam belas] tahun kerja buruh kasar - kerja buruh kasar tu dia kena *gi* [pergi] Singapura *keja* [kerja] Singapore [Singapura] la. Sepatutnya *ore* [orang] nak *pegi* [pergi] Singapore [Singapura] ni dia kena ada passport berumur *lapeblas* [lapan belas], - pakcik ni istimewa sikit – *mintok* [minta] izin dengan emak *gi* [pergi] mahkamah, *pastu* [selepas itu] *leh* [boleh] *gi* [pergi] masa umur *neblas* [enam belas] tu tapi jadi *tuke* [tukang] la *tuke* [tukang] kayu buruh kasar *gitu* [begitu] la pekerjaan pertama.

AH : Ada lagi kerja lain yang encik buat?

EZ : Balik tu kerja jaga asrama.

AH : Di sekolah mana?

EZ : Di stadium. Stadium tu ada macam homestay gitu – itu masa kita belajar lagi tu, kita *kijo* [kerja] tengah *male* [malam], pagi tengah hari tu kita sekolah la.

AH : Berapa lama encik kerja yang buruh tu *kat [dekat] Singapore [Singapura]*?

EZ : Tu tak lama, *tujuh* [tujuh] *lape* [lapan] *bule* [bulan] *gitu* [begitu].

- AH : **Pastu [selepas itu], yang encik kerja warden?**
- EZ : Warden tu *dale* [dalam] lebih *kure* [kurang] setahun. – Cuma belajar tingkatan lima [5] tu masa nak *amik* [ambil] peksa [periksa] tu kena belajar *sniri* [sendiri] cari *pitis* [duit] *sniri* [sendiri].
- AH : **Duit tu encik guna untuk sambung belajar?**
- EZ : Ha untuk belajar.
- AH : **Sepanjang encik *keja* [kerja] tu kan, sapa yang macam dorong encik nak *keja* [kerja] yang dekat Singapore [Singapura] dengan yang warden tu?**
- EZ : Singapore [Singapura] tu kawan-kawan la, yang warden tu *sniri-sniri* [sendiri-sendiri] la masa tu di stadium tu dia ada *persatue* [persatuan] bola sepak Kelantan tu - dia buka asrama jadi kita *kane* [kenal] ado [ada] ore [orang] *kane* [kenal] situ kan dia bagi *kepercayae* [kepercayaan] kepada saya jaga la.
- AH : **Kenalan pakcik?**
- EZ : Hmm (angguk). *Pastu* [selepas itu] dia ada koperasi ore [orang] panggil koperasi kabinet koperasi, koperasi tu yang amik *hostel* [asrama] tu.
- AH : **Sepanjang Encik kerja dekat Singapore [Singapura] dengan warden tu, *lepastu* [selepas itu] ada lagi kerja? ka terus keja sini, muzium?**
- EZ : Ada jugak sekejap la ada tiga [3] *pat* [empat] *bule* [bulan] tu *kijo* [kerja] di *kile* [kilang] *Mancis*, *kane* [kenal] mancis? *kile* [kilang] mancis tu ada di Sungai Buluh Budur ja.

AH : Buat apa? bahagian proses? buat mancis tu?

EZ : Haa proses, buat mancis.

AH : Berapa lama?

EZ : Tiga pat [empat] bulu [bulan].

AH : Selepas habis *kijo* [kerja] tu encik masuk muzium?

EZ : Saya *kijo* [kerja] masuk muzium ni daripada umur 19 tahun.

AH : Sepanjang encik kerja la kan, apa perasaan encik? macam manis dengan pahit pengalaman?

EZ : Masa boleh *kijo* [kerja] kat KL [Kuala Lumpur] la, *meme* [memang] kita suko [suka] tu (ketawa).

AH : Encik *keja* [kerja] kat [dekat] sini, dekat muzium ni, macam mana encik boleh *keja* [kerja] kat sini? ada *oqang* [orang] pekenaikan [perkenalkan] ka atau encik datang sendiri?

EZ : Ore [orang] pekenal [perkenal] tu memang pekenal [perkenal] jugak, pastu [selepas itu] *kebetule* [kabetulan] *kito* [kita] duduk *denge* [dengan] *persatue* [persatuan] bola kae [kan], jadi pengurus tu sama di stadium *denge* [dengan] sini, dia *pekenal* [perkenal] la. Maso [masa] temuduga tu, masa tu tujuh puluh [70] ore [orang] temuduga nak *pake* [pakai] sore [seorang], nasib baik saya.

- AH : Kira encik kena datang *interview* [temuduga] la?
- EZ : *Interview* [temuduga] denge [dengan] kerajaan negeri.
- AH : Berapa lama tempoh yang encik nak dapat masuk sini?
- EZ : Daripada temuduga *lepas tu* [selepas itu] *kito* [kita] masuk, itu lebih *kure* [kurang] *dale* [dalam] seminggu.
- AH : Encik masuk tu *teruih* [terus] dapat jawatan yang sekarang ka macam mana?
- EZ : *Dak* [tak], saya masa tu masuk *dale* [dalam] pekerjaan baru, pekerjaan ni dia boleh buat semua, pekerjaan ni ada kena suruh angkat *bare* [barang] kita angkat *bare* [barang], (bunyi motor) masa *kijo* [kerja] tu *dale* [dalam] masa *pat* [empat] tahun lebih *kure* [kurang] saya *mintok* [minta] *kijo* [kerja] sebagai penjaga muzium *mace* [macam] adik-adik tengok *hok* [yang] luar tu, ada budak-budak *hok* [yang] pakai *uniform* [pakaian seragam], penjaga muzium *dio* [dia] panggil tu, *museum guard* [pengawal muzium].
- AH : Lepas encik jadi *museum guard* [pengawal muzium], terus jadi ---?
- EZ : Lepas tu temuduga *pulak* [pula], buka *jawate* [jawatan] lain, jadi buka *jawate* [jawatan] lain lebih *kure* [kurang] *dale* [dalam] sepuluh [10] tahun lepas kot. Buka *jawate* [jawatan] tu *jawate* [jawatan] pereka, pereka B17.

- AH : Macam saingan tak encik nak iv [temuduga] untuk ---?
- EZ : Meme [memang] saingan jugak, semua budak-budak U [Universiti] masa tu maqi [datang], budak U [Universiti], SPM [Sijil Pelajaran Malaysia], jawatan pereka ni tinggi kan, budak umo [umur] lape [lapan] belas tujuh belas pun tinggi jugak la masa tu sepuluh tahun lepas tu.
- AH : Untuk dapatkan jawatan tu, kelayakan apa yang dia nak?
- EZ : Kelayakan SPM [Sijil Pelajaran Malaysia].
- AH : Encik tahu sebab apa muzium pilih encik?
- EZ : Pengalame [pengalaman] kijo [bekerja].
- AH : Perasaan encik masa tu macam mana?
- EZ : Sangat suka. Pengalame [pengalaman] kijo [bekerja] sebenarnya kito [kita] tengok pada kito [kita] masuk kijo [bekerja], kalau boleh kita nak kijo [bekerja] kita mesti sungguh-sungguh buat kijo [bekerja] biae [biar] ore [orang] atas tu pecaya [percaya] pada kito [kita], dio [dia] amik [ambil] kito [kita] dulu la (ketawa).
- AH : Encik nak dapat jawatan sekarang, pereka B19, rasa tak macam kesusahan tu nak dapat jawatan tu?
- EZ : Meme [memang] susah, sebab saingae [saingan] tu, masa tu ado [ada] jugak salah sore [seorang] tu saingae [saingan] dengae [dengan] \_\_\_ sebab muzium ni dio [dia] dengan istana dia rapat, kalu [kalau] ore [orang] gunakae [gunakan] istana untuk

masuk sini. Tapi nasib *kito* [kita] baik la sebab *dio* [dia] buat *perjanjie* [perjanjian] dimasa tu *sapodio* [siapa dia] yang temuduga markah tertinggi boleh ke *ore* [orang] tu (ketawa).

AH : Dapat *kat* [dekat] encik la?

EZ : Ha boleh la hmm.

AH : Sepanjang encik berkhidmat dalam bangunan ni la kan, berapa lama encik berkhidmat sini?

EZ : Sini baru *dale* [dalam] setahun gitu, sebab *dio* [dia] muzium ni *dio* [dia] tukar-tukar. *Kito* [kita] ada *semile* [sembilan] muzium, kita kena *gi* [pergi] muzium *kraftange* [kraftangan], *pastu* [selepas itu] *tuke* [tukar] kepada muzium diraja, muzium istana jahar, *pastu* [selepas itu] *last-last* [akhirnya] sini la sebab muzium negeri ni *dio* [dia] banyak *kijo* [kerja] sini, pameran *hok* [yang] biasa ni pun ada.

AH : Kiranya muzium negeri ni ibu untuk semua muzium yang ada?

EZ : Semua muzium, sebab pejabat *kat* [dekat] sini, sebab penyelia kita sini, macam saya ni dilantik sebagai pereka dan penyelia, *kijo* [kerja] banyak di muzium negeri ---.

AH : Contoh kerja yang encik buat?

EZ : Terutama sekali kerja-kerja pameran la, kalau pameran luar tu, semua gantung-gantung gambar tu semua pakcik buat. Kalau *hok* [yang] *bahagie* [bahagian] lain tu boleh la. *Bahagie* [bahagian] gambar-gambar *ore* [orang] lain buat, pakcik cuma gantung gambar ka nak susun atur ka *bare-bare* [barang-barang] tu pakcik buat.

- AH : Encik rasa apa sumbangan encik yang encik dah bagi dekat muzium ni?
- EZ : Rasanya dah banyak sangat, banyak dah. Antaranya susun satu-satu *bare-bare* [barang-barang], boleh kata semua seluruh muzium tujuh /ape [apan] muzium pakcik *gi* [pergi] buat *bare-bare* [barang-barang] \_\_\_\_\_, tambah-tambah istana jahar, biasa *gi* [pergi] istana jahar? istana jahar ni *dio* [dia] muzium adat istiadat, muzium raja-raja, sini adat bersanding, adat bersunat sini, adat kenduri, adat kahwin pun ada. Saya sore [seorang] ja boleh atur *bare* [barang] tu tahu.
- AH : Kiranya yang susun semua *baqang-baqang* [barang-barang] dalam muzium tu encik la macam untuk semua muzium?
- EZ : Haah, untuk semua boleh kata seluruh muzium ada la *sumbange* [sumbangan] tu.
- AH : Ada *dak* [tak] macam tambahan *oqang* [orang] untuk tolong?
- EZ : Ada, panyelia-penyelia lain, tiap-tiap muzium ni *dio* [dia] ado [ada] penyelia sore [seorang] sore [seorang] sore [seorang] sore [seorang].
- AH : Penyelia tu bawah encik ka?
- EZ : Eh *dak* [tak], bawah pentadbiran la.
- AH : Sepanjang encik bekerja kat [dekat] sini kan, ada *dak* [tak] macam perubahan yang muzium ni buat daripada awal encik kerja sampai sekarang?
- EZ : Meme [memang] banyak *perubahe* [perubahan], tambah-tambah lagi *kito* [kita] buat pameran *hok* [yang] sekare [sekarang] ni, *kito* [kita] *pangge* [panggil] pameran *bulane*

[bulanan], antara bulan ke bulan *mace* [macam] *nge* [dengan] berkala *dio* [dia] *pangge* [panggil], *perubahe* [perubahan] gitu la. *Pastu* [Selepas itu], dulu kita banyak kepada artifak kan, artifak ni *bare-bare* [barang-barang] la. *La ni* [sekarang ini] ni banyak kepada *bacae* [bacaan] tukar *gituh* [macam tu] la.

AH : Pameran dalam tu berkaitan apa yang encik buat la macam encik tambah-tambah di muzium negeri?

EZ : Macam di muzium negeri ni malah pameran *hok* [yang] sekare [sekarang] ni ada ni terowong masa tu ultranet, kalau *kat* [dekat] atas tu pameran tetap, ada wayang kulit, dikir barat, wayang kulit ada *bahagie* [bahagian] wayang kulit, dikir barat ada dikir barat, untuk \_\_\_\_\_, *hok* [yang] tu pameran tetap la.

AH : Kira pameran tetap tu dia tak berubah la? dia bukan macam sebulan dua bulan macam tu?

EZ : Haa bukan.

## **BAHAGIAN 4: ASAL USUL BANGUNAN PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN**

### **I. SEJARAH**

**AH : Berkaitan sejarah dan latar belakang bangunan muzium ni, boleh Encik ceritakan sedikit asal usul bangunan ni?**

**EZ : Seingat saya la sebelum pada muzium negeri ini ditubuhkan dua [2] tiga [3] tahun sebelum tu -- tu *bangune* [bangunan] ni ialah *bangune* [bangunan] MPKB *bangune* [bangunan] Majlis Perbandaran Kota Bharu, lepas pada tu dia ada masuk - *gunae* [gunaan] tu ada masalah ada kebakaran di *bangune* [bangunan] MPKB ni, lepas tu MPKB ni (bunyi lori) akan berpindah ke bangunan baru la bangunan lain la MPKB ni, lepas tu bangunan ni (bunyi kereta) di ubah suai dijadikan muzium la -- dijadikan muzium lepas tu pada tahun lebih kurang tahun 1990 tu baru – pindah di sini muzium ni baru dirasmikan oleh pereka.**

**AH : Kira bangunan ni dibina tu pada tahun *bapa* [berapa] puluhan *lapan puluh* [80] an ka *tujuh puluh* [70] an ka?**

**EZ : Kira dengan awal lagi -- awal lagi.**

**AH : Semasa ni la apa - MPKB *ambil* [ambil] alih la?**

**EZ : Daripada sekarang ni lebih kurang \_\_\_\_ bagai seratus [100] tahun nak buat benda ni. \_\_\_\_**

**AH : Encik tahu sapa [siapa] yang bina bangunan ni?**

**AH** : Em tak tahu. \_\_ Kerajaan british \_\_ pasai [sebab] dia *bangune* [bangunan] ni dia sama dengan bangunan pejabat tanah apa sekali ni sebelum hangus – Pejabat Tanah dan Jajahan dia sekali ni – sekali.

**AH** : **Maksudnya dibina pada waktu yang sama?**

**EZ** : Em yang sama.

**AH** : **Mengikut pengetahuan Encik Ia, Encik tau [tahu] kenapa bangunan ni dibina?**

**EZ** : Masa tu? masa tu meme [memang] untuk dijadikan pejabat kerajae [kerajaan] negeri -- pejabat kerajae [kerajaan].

**AH** : **Kira sebab utama dia untuk digunakan ni la untuk urusan urusan kerajaan?**

**EZ** : Uruse uruse [urusan urusan] kerajae [kerajaan] negeri.

**AH** : **Encik tau [tahu] macam berapa lama masa yang dia ambik [diambil] untuk membina bangunan ni?**

**EZ** : Em tak tahu.

**AH** : **Mengikut pendapat encik Ia kan, encik rasa apa keistimewaan yang ada kat dekat bangunan ni?**

**EZ** : Keistimewaan bangunan ni satunya mace [macam] batu konkrit dia tu lain pada hok [yang] dulu kebanyakannya batu batu kapur (bunyi kereta) – batu batu kapur ni mace [macam] dia – tak tembus kalau ada \_\_ pun dia tak tembus (bunyi kereta) – pastu

[lepas tu] kalau kita mace kita nak tebuk kayu (bunyi kereta) dia ada macam kapur dia bukan simen biasa tu dia tahe (tahan) lama la dia macam kapur tu simen – simen -- simen kapur.

AH : Kan sebelum ni bangunan ni bangunan MPKB pastu [lepas tu] berlaku kebakaran tu muzium ambik [ambil] kan. Encik tau [tahu] kenapa muzium negeri pilih bangunan ni?

EZ : Masa tu kerajae [kerajaan] negeri la, jadi bangunan ni salah satunya bangunan lama hok [yang] terlama di Kota Bharu *kito* [kita] jadi terpilih untuk *dijadikae* [dijadikan] muzium lah – masa ubah suai tu semua pe-perkakas atap tu buat dengan besi *sumo* [semua] sebelum pada ni dia buat guna konkrit tu – simen, *panjae* [panjang] *apo* [apa] sumo [semua] pastu [lepas tu] atap ko [ka] apabila buat besi tu baru bubuh [letak] atap zink sebelum pada ni atap \_\_ *mace* [macam] bata tanah – kira so so [satu satu] \_\_ \_\_

—

AH : Kalau daripada segi apa - senang orang nak cari tu macam mana? Macam pendapat encik la macam dok [duduk] tepi jalan senang orang nak nampak ka?

EZ : Muzium? – *meme* [memang] masa tu – tu *pikir* [fikir] macam tu lah, *pasai* [sebab] dia *dok* [duduk] tengah tengah bandar. Mula mula tubuh – mula mula buat muzium ni dipintu *hadape* [hadapan] ni sebelah sini sebelah pejabat tanah ni dalam kawase [kawasan] ni (tunjuk arah) kat sebelah sini lah, ni kawasan *depe* [depan] (tunjuk arah) kalau di belakang tu dak sekarang ni kawasan *depe* [depan] tu belakang muzium tu – *belake* [belakang] jadi apabila dijadikan --- ada satu orang penasihat tu -- penasihat untuk muzium la dia ubah la daripada pintu *belakae* [belakang] buat pintu *depe* [depan], kalau adik tengok ada luar tu ada pintu besar tu, *meme* [memang] situ p-pintu

depan la tu kalau masuk *sakni* [tadi] pintu *belakae* [belakang], pasal tu tak sesuai la pintu *belakae* [belakang] du-duduk tepi *jale* [jalan] besar. (ketawa kecil)

AH : Daripada apa – kegunaan bangunan ni la kan daripada dulu yang encik *tau* [tahu] la daripada dulu sampai sekarang la kan, apa yang encik rasa kegunaan dia macam ada tak perbezaan daripada segi kegunaan bangunan ni daripada dulu sampai sekarang?

EZ : ouh *takda* [tiada] -- *takda* [tiada] *belaka* [semua] cuma untuk ni - pameran la -- pameran ni bermaknanya tukar tukar la, dulu bahagian misal kata bilik ni untuk bangunan --- untuk pameran ni, kalau bilik lain tu \_\_ sekarang ni dia ubah pulak -- sekarang ni kita buat satu dewan besar lepas tu *hok* [yang] *kecik* [kecil] -- *hok* *kecik* *kecik* [kecil kecil] tu takda la bilik bilik tu, dulu *meme* [memang] ada bilik *kecik* [kecil] tu untuk buat - pameran alat sultan perak yang gitu *gitu* [begitu] di bawah ni, sekarang ni kita buat satu dewan besar di mana kita berubah lah bilik bilik takdak [tiada] dah.

AH : Kiranya masa awai awai [awal awal] muzium ni dibuka kan – apa bangunan dalam ni terus buat pameran ka belum lagi?

EZ : Ya, terus pameran. Masa tu pameran -- masa tu boleh kata hebat jugak pasai [sebab] banyak *bare* [barang] *mace* [macam] dia terbahagi mana bawah ni – mana pingat pingat dulu – pingat pingat diraja sebahagian besar tu lepas tu peralatan perak, tembaga lepas tu kita buat pameran peralatan cina ---

AH : Ikut apa yang saya tengok dekat *website* [laman web] kan – kan ada dia cakap bangunan muzium ni diisytiharkan sebagai salah satu bangunan bersejarah di

**bawah akta warisan kebangsaan kan, kenapa-sebab apa dia diisythir sebagai bangunan sejarah bawah akta?**

EZ : *Bangunae* [bangunan] satunya pasai *bangunae* [bangunan] ni *bangunae* [bangunan] lama tapi *bangunae* [bangunan] ni macam tadi la sebut dia buat dengan satu jenis batu lain pada bangunan lain jadi dia -- dia pelik *bangunae* [bangunan] ni dia lain daripada *bangunae* [bangunan] *hok* [yang] moden la.

AH : **Kiranya keistimewaan bangunan ni daripada segi batu tu la?**

EZ : Haa batu tu pah lama umur la lama sangat kan *pasai* [sebab] dia punya daripada awal tu.

AH : **Kalau ikut pendapat encik la, ciri ciri bangunan ni diiktiraf sebagai bangunan b-bersejarah sebab apa?**

EZ : Sebab tanah. Haa satunya lama *bangunae* [bangunan] ni *meme* [memang] *bangunae* [bangunan] lama lepas tu saya kata jangka dalam umur daripada sekarang ni rasa dalam lebih kurang *seratus* [100] tahun.

AH : **Kalau ikut jangkaan encik la, tahun bila? Maksudnya nak capai *seratus* [100] tahun tu dia daripada tahun bila?**

EZ : Kena *ambil* [ambil] daripada sekarang ni tahun 19 --- awal 1918 lagi \_\_\_\_ - 1918 - 1800 lebih la.

AH : **Selain daripada batu dan *umur* [umur] ni la kan, encik rasa apa lagi keistimewaan bangunan ni?**

**AH** : *Bangunae [bangunan] ni mace [macam] orang panggil – mata kasar dia ni mace [macam] alat-alat-alat atap tu konkrit konkrit tu semua yang besar besar tu.*

**AH** : **Em, contohnya?**

**EZ** : \_\_ batu tu \_\_ \_\_ \_\_ untuk bangunan ni mesti kuat la - bangunan ni *takdak* [tiada] lagi orang kata pecah ka *takdak* [tiada] la.

**AH** : **Oh, tak pernah jadi lagi?**

**EZ** : Dak lagi -- dak lagi daripada kita buat muzium.

**AH** : **Kira nak cakap kukuhnya batu tu la.**

**EZ** : Kukuh la bangunan batu ni.

## II. REKA BENTUK

AH : Macam apa daripada dalam ni kan, ada berapa banyak bilik? Macam bilik untuk pameran, bilik mesyuarat semua.

EZ : Mace [macam] dulu ada dalam empat [4] bilik \_\_ sekarang ni tinggal --- kita buat satu dewan besar *pastu* [lepas tu] sebahagiannya dewan panggil satu dewan ni untuk state - panggil dewan balai cik siti lepas tu sebelah tu pejabat \_\_ kita buat tiga ruang la tinggal satu pejabat, dewan balai pameran -- balai pameran jugak balai cik siti.

AH : Kiranya bilik yang dia buat tu masa tu encik dah ada la kat sini?

EZ : Em haa ada dah.

AH : Ni kan kalau kata tengok kat luarq [luar] tu macam - ruang macam mana antara jarak pagaq [pagar] dengan pintu masuk muzium tu pun macam tak berapa luas kan? Ada dak macam muzium - bagi cadangan nak luaskan ka?

EZ : Satu cadangae [cadangan] nya dulu saya ingat -- seingat saya ada seore [seorang] pengarah tu dia nak bukak pagar tu - dia nak *bue* [buang] semua pagar tu nak suruh nampak *kawase* [kawasan] tu luas sikit - tu la. \_\_ Selain daripada tu takdak [tiada] dah.

AH : Diluluskan ka?

EZ : Tak -- tak lulus.

AH : Oh, kenapa?

EZ : Sebab masa tu dia --- muzium ni dia pengarah dia -- dia tukar tukar lepas tu sebelum pada tu - dalam *perancangae* [perancangan] pengarah tu -- pengarah tu gi tukar kan ke lain. (ketawa kecil). Lepas tu tak jadi.

AH : **Pas tu [lepas tu] kiranya selepas tu takdak [tiada] dah la orang orang yang nak membuka cadangan tu?**

EZ : Haa takdak [tiada] dah. Pengarah lain *meme* [memang] buat *kijo* [kerja] lain pulak la. (ketawa kecil)

AH : **Kira encik pun macam ada tak encik rasa macam nak buat perubahan apa apa dekat muzium ni?**

EZ : \_\_ Kalau perubahan *mace* [macam] kalau saya -- saya nak satu nama besar untuk muzium negeri ni - biar semua *ore* [orang] sebut sini kalau *bangunae* [bangunan] macam *depe* [depan] tu - haa mana - tuan padang tu *kae* [kan] -- tuan padang tu biar *ore* [orang] sebut *depe* [depan] muzium, sekarang ni *ore* [orang] sebut muzium dekat dengan tuan padang sebelah *jae* [jam] besar, jadi saya *cadaenya* [cadangnya] *kalu* [kalau] boleh kita nak buat satu nama besar muzium negeri biar *ore* [orang] sebut mana *jae* [jam] besar dekat dengan muzium.

AH : **Oh, kiranya macam nak orang ---**

EZ : Bukan muzium dekat dengan *jae* [jam] besar biar muzium ni - *jae* [jam] besar dekat dengan muzium.

AH : **Oh, macam orang kaitkan tempat tu dengan muzium.**

EZ : Ha muzium. Biar ore [orang] sebut muzium dulu.

AH : Oh kiranya yang tu la apa yang - cik nak la?

EZ : Ha. Bangunan MARA kae [kan] sekarang ni bangunan MARA \_\_ kita nak -- nak ubah kalau boleh bangunan MARA tu dekat dengan muzium, dia sebut muzium dulu la \_\_

—

AH : Kira encik macam encik pernah tak usulkan cadangan tu?

EZ : Pernah jugak dulu. Pengarah pengarah yang lama okay jugak dia bersetuju tapi \_\_ tak dan lama dia bertukar.

AH : Pastu [**lepas tu**] macam sekarang ada tak encik usulkan dekat pengarah yang baru?

EZ : Baru ni yang sekarang ni ada tapi dia tak dan buat, dia sendiri pun nak kena tukar dalam *sebule* [sebulan] kena tukar, (ketawa kecil) yang *lima belas* [15] hari - tukar.

AH : Lepas tu kiranya nanti akan masuk pengarah yang baru?

EZ : Ha, *satu* [1] haribulan *lima* [5] ni pengarah lain.

AH : Kiranya sepanjang encik kerja dekat sini la b-b-berapa -- berapa kali pengarah tu ditukar?

EZ : Pengarah semua sekali - kena bilae [bilang] kat situ (ketawa kecil). Tu pengarah dia (tunjuk arah) 1-2-3-4-5-6-7-8-9-10-11-12-13 -- 13 sampai *loni* [sekarang].

AH : Oh, kiranya yang ni yang sekarang?

EZ : Ha sekarae [sekarang] ni. *Hok* [yang] pertamanya 1976 - saya kijo [kerja] start [mula] daripada ni yang pertama ni - 1976. Saya kijo [kerja] 1982 - \_\_ kalau pengurus sekarae [sekarang] \_\_ pengerusi tak ramai la pengerusi - tengok pengarah ni baru masuk 2018 ni *bule* [bulan] lima [5] memey [memang] kena tukar la *dio* [dia]. Satu [1] bulan lima [5] ni takdak la dia. Ada lapan [8] bulan pun ada - dia pegawai pegawai tadbir negeri.

AH : Kalau dari segi ni la kan reka bentuk bangunan ni la kan - boleh encik cerita sedikit dak macam struktur awal pembinaan bangunan ni nak jadikan bangunan muzium?

EZ : *Mace* [macam] mana? - *Mace* [macam] tadi ka \_\_ sebelum pada nak buat muzium dia *renovate* [ubah suai] dulu daripada bangunan terbakar.

AH : Kan kalau ikut encik cakap tadi bangunan ni - batu kan? Ada dak macam guna kayu sedikit untuk struktur bangunan ni?

EZ : Kayu ni rasa takdak sangat kayu ni - selalunya kita buat macam kita buat *hok* [yang] baru ni ada la untuk tu - untuk nak *bubuh* [letak] atap macam syiling la - sikit tu ja kayu, kalau yang sekarang ni takdak kayu \_\_ seingat saya rasa la *mace* [macam] tingkap kita sekarang ni ada ada dua tingkat kan, tingkat atas tu rasa baru sebelum ni takdak.

AH : Kan kalau macam masa kami masuk tu nampak macam kalau kat bangunan tu ada ukiran kat atas tu kan, macam ukiran tu macam ada maksud apa-apa ka simbolik apa-apa ka ada ka - simbolik Kelantan ka?

**EZ** : Macae [macam] di muzium negeri ni *takdak* [tiada]. Macae [macam] buat ngan simen ada \_\_\_\_\_ tupai la ada la buat *ngan* [dengan] simen dengan kayu simen ja la bukan *ngan* [dengan] kayu ja. Kalau kayu cuma pintu ja - pintu cengal besar.

**AH** : **Kiranya yang tu - baru, kiranya sebelum ni guna pintu kayu ---?**

**EZ** : Mungkin masa tu takdak -- takdak pintu besar, dia ada pintu kecik-kecik tepi-tepi *bangunae* [bangunan] sekeliling. Dijadikan muzium baru ada pintu besar, kayu la -- kayu.

**AH** : **Kiranya kalau ikut encik cakap tadi - pemberian dan ubah suai - bangunan tambah?**

**EZ** : Macam satunya tambah pintu besar *kae* [kan]. Lepas tu kita buat *keratae* [keratan] untuk bilik la, bilik-bilik \_\_\_\_\_. Macam antara dewan besar dengan dewan balai pameran dengan dewan \_\_\_\_ ni pun ada pintu jaga asal dah. Mungkin kita (bunyi kereta) - tak tengok seratus peratus *belaka* [semua] -- tak tengok *kae* [kan].

**AH** : **Kan kalau tengok kat website dia ada cakap - semasa 1988 ada buat penambahan bangunan kan betul dak?**

**EZ** : *Bangunae* [bangunan] tu bawak masuk *sakni* [tadi] buat tingkat satu - situ.

**AH** : **Kenapa bangunan tingkat satu [1] tu dibina?**

**EZ** : Untuk buat pameran la, kalau tingkat bawah saja *meme* [memang] tak cukup untuk pameran muzium. Nak jugak tingkat atas untuk buat pameran besar *kae* [kan] \_\_\_\_ \_ banyak mugo kita di Kelantan ni banyak *kebudayaee* [kebudayaan] macam \_\_\_\_

wayang kulit, makyong. Perlu pada tingkat-tingkat atas, tingkat bawah muzium tu masa tu buat pingat-pingat gitu la, perak, tembaga

AH : Seterusnya semua pa -- semua replika-replika bahan-bahan pameran tu memang ada kat situ - selamanya atau akan berubah ke tempat lain?

EZ : Akan berubah ke tempat lain.

AH : Selalunya tempoh barang-barang tu ada kat tempat pameran tu berapa lama?

EZ : Dia tak tentu jugak. Macam asal-asalnya *bangunae* [bangunan] ni dia buat di - muzium asalnya di muzium istana jahar. Lepas tu, di sana tu baru \_\_ kita nak buat satu muzium adat tu baru pindah *mari* [datang] sini. Dulu masa tu -- masa pejabat di istana jahar tu, pejabat muzium istana jahar tu bawah tu balai pameran. Lepas tu pindah sini, pejabat ini ada sebelah kanae [kanan] sebelah kiri \_\_ lepas tu pameran *banyak* [banyak] *gotu-gotu* [begitu] perak ka tembaga ka tapi tak ramai gak sebab dalam masa tu kita tubuh banyak lagi muzium, setakat perak kita \_\_ *kraftangae* [kraftangan] \_\_ \_\_ kalau kitab-kitab lama \_\_ \_\_ agih-agih ikut bahagian masing-masing.

AH : Macam Encik *tau* [tahu] dak sapa yang macam bagi idea la untuk buat bangunan tingkat atas tu?

EZ : Masa tu mungkin orang *kerajae* [kerajaan] negeri, muzium ni di bawah *kerajae* [kerajaan] negeri.

AH : Kalau ikut warna asal bangunan muzium ni kan warna putih kan, Encik tau [tahu] macam sebab apa warna putih tu dipilih?

EZ : Dia putih kekuning-kuningan - dia masa tu dia panggil cat kapur tu -- cat kapur tu dia *macae* [macam] cat air, cat tu dia *macae* [macam] debu dicampur dengan air masa tu cat *meme* [memang] kaler tu ja. Mana-mana [bangunan] pun banyak -- banyak warna tu. Dibuat dengan debu dibancuh dengah air sebab tu panggil cat air tu macam cat satu jenis kapur campur air, boleh buat cat.

AH : Macam ada spesifik sebab ka pilih cat tu?

EZ : Mungkin masa tu ada - sebab tanah masa tu, kapur tu dibuat cat.

AH : *Pastu [lepas tu] kalau tengok sekarang warna bangunan dah macam lain, siapa yang bagi usul untuk tukaq [tukar] warna cat?*

EZ : Ni atas pengarah, masa tu baru ni -- baru dua tiga *bulae* [bulan] \_\_\_\_ hari ni kae [kan] nampak *macae* [macam] *meme* [memang] *bangunae* [bangunan] lama la, idea pengarah la tu (ketawa kecil)

AH : Kenapa pengarah nak *tukaq* [tukar] cat - warna ---?

EZ : Meme dia daripada ni warna hijau gitu sikit - bagi dia sesuai untuk *bangunae* [bangunan] lama.

AH : Kalau ikut - pengetahuan encik la kan sepanjang encik bekerja di sini, encik rasa apa kekuatan bangunan ni yang boleh buat dia bertahan?

**AH** : *Meme [memang] takdak [tiada] kerosakan, hari tu muzium negeri ni meme [memang] takdak [tiada].*

**AH** : **Apa sebab dia kuat, kukuh tu?**

**EZ** : Mungkin tanah dia tak mendap sero [rasa], sekitar kawasan ni mungkin tanah dia kuat. Setengah-setengah *bangunae* [bangunan] tu dia ada rekahan \_\_ tapi memanag muzium negeri ni kuat.

**AH** : **Ada tak cara-cara yang - cara-cara tersendiri yang pekerja-pekerja dalam ni buat untuk kekalkan bangunan ni dia punya kekuahan bangunan ni?**

**EZ** : Kekukuh tu *takdak* [tiada] cuma cat tu ada la, ubah-ubah cat.

**AH** : **Jenis cat tu ada ka spesifik cat yang guna?**

**EZ** : Kalau sekarang ni *meme* [memang] takdak, cat air biasa ja - cat air \_\_ kalis air.

**AH** : **Kalau ikut pendapat encik kan, ada tak ciri-ciri penting dalam pembinaan bangunan ni dari segi - senibina dalam menitikberatkan identiti bangunan ni?**

**EZ** : Kalau untuk bangunan asal tu *meme* [memang] takdak [tiada] tapi untuk penambah di balai-balai *pamerae* [pameran] itu ada la, kita buat satu macam bentuk gasing, periuk lama ukir-ukir la atas-atas sebagai tempat-tempat \_\_ \_\_.

**AH** : **Ada dak mana-mana pengubahsuaian bangunan ni yang macam ikut trend?**

AH : Siling dia - siling tu diperbuat dengan buluh \_\_ buluh orang panggil. Maksudnya bukan siling saja la sebab diperbuat dengan buluh.

AH : **Pastu [lepas tu] kira sekarang?**

EZ : Kekal sampai sekarang, syiling buluh tu. Asal kita buat 1988 hingga sekarang ni - *tahae* [tahan] lagi la.

AH : **Kira syiling tu ada kat bahagian mana?**

EZ : Semua -- semua muzium ni semua. *Start* [bermula] daripada kiri ke kanan satu muzium ni semua ada.

AH : **Encik tau [tahu] kenapa dia pilih untuk buat siling buluh ni?**

EZ : Satunya untuk nampak tradisional, keduanya dia tu mungkin tahan sejuk kae [kan] tak *panaih* [panas]

AH : **Contoh macam sebelum ni ada berlaku banjir besar kat Kelantan, ada dak berlaku kerosakan kat mana2 struktur bangunan?**

EZ : *Meme* [memang] takdak cuma cat ja - tukar-tukar cat. Sebab biasa banjir naik ke atas semasa guna cat warna putih \_\_\_\_.

### III. PENGURUSAN

**FA : Bolehkah encik ceritakan sedikit ilmu dan pengetahuan tentang pengurusan muzium ini. Contohnya dari manakah sumber wang yang diperolehi untuk membina bangunan ini?**

**EZ : Sumber pendapatan, sumber wang ye? Kan? Satunya daripada pejabat kerajae [kerajaan] negeri. Satu pejabat kerajae [kerajaan] negeri - pejabat kerajae [kerajaan] negeri Kelantan pastu [selepas itu] ditambah dengan pejabat warisan Kuala Lumpur lah. Muzium Negara. Sumbangan daripada kerajaan negeri, sumbangae [sumbangan]daripada jabatan warisan.**

**FA : Adakah bangunan muzium ini memerlukan kos yang tinggi untuk pembinaan?**

**EZ : Kalau nak [hendak] bina *meme* [memang] tinggi kalau untuk *penjagae* [penjagaan], pemeliharaan ni *meme* [memang] tinggi sebab cat itu perlu dicat semula dua tahun ka tiga tahun sekali cat.**

**FA : Adakah pihak muzium negeri akan meminta dana daripada pihak kerajaan untuk proses penambahbaikan yang memerlukan kos lebih tinggi?**

**EZ : hm. ha- Mintak dari pihak kerajaan dengan perbadanan warisan. Kalau untuk *pengubahsuaiae* [pengubahsuaian] untuk muzium negeri ini memang *takdak* [tidak ada] lah.**

**FA : Encik tahu berapa jumlah kos yang mula-mula nak bina bangunan ini?**

**EZ : Tak tahu.**

**FA : Boleh saya tahu berapa bilangan pekerja yang ada di Muzium Negeri ini?**

**EZ** : Muzium Negeri ini kalau untuk pameran *deh* [kan] dia ada seore [seorang] penyelia. Lepas tu, empat [4] ore [orang] pekerja. Ha seore [seorang] penyelia tiga penjaga muzium pastu seore [seorang] tu pakar operasi, pembantu awam untuk jaga *kawase* [kawasan] sekitar.

**FA : Bilangan pekerja di muzium-muzium lain lebih kurang atau ada muzium yang perlukan ramai pekerja? Paling ramai di Muzium Negeri ke?**

**EZ** : Mana? Kalau untuk Muzium Negeri masa kita nak buat pameran tu *meme* [memang] perlukan pada ramai kakitangan lah. Kalau lepas pada siap itu tidak ramai. Ramai tu masa kita *bilangae* [bilangan] staff di muzium ini ada lebih kurang dalam tujuh puluh [70] ore [orang] untuk semua lah – untuk semua Muzium, sembilan muzium.

**FA : Ada tak muzium hantar semua pekerja di sini untuk menghadir ke *training* [*latihan*]?**

**EZ** : *Meme* [memang] ada la.

**FA : Kursus untuk bahagian mana yang kerap pergi kursus?**

**EZ** : Selalunya penyelia-penyelia di bahagian *penjagaee* [penjagaan] bare [barang].

**FA : Kursus tu dibuat oleh siapa?**

**EZ** : Kursus tu dibuat di muzium negara

FA : Yang pergi tu dari bahagian pemuliharaan ja la? Kalau macam dari bahagian lain ada dak yang kena pergi?

EZ : Bahagian lain ada jugak. *Meme* [memang] ada.

FA : Selalu lama tak masa *training* [latihan]?

EZ : *Dale* [dalam] masa tiga hari ada lima hari ada, kira kalua *compacter* [penyusun] kita buka bengkel baru ada.

FA : Semua *staff* [kakitangan] akan terlibat?

EZ : Haah.

FA : Contoh la kalau ada orang nak bekerja *kat* [dekat] muzium ni, di kena *apply* [memohon] macam mana ya?

EZ : Kalau nak *bekijo* [bekerja] di muzium ni kita ada buka untuk jawatan kosong.

FA : Melalui *SPA* [*Suruhanjaya Perkhidmatan Awam*] ka melalui *website* laman web]?

EZ : Kalau ni, melalui *SPA* [*Suruhanjaya Perkhidmatan Awam*] la. *Mace* [macam] jabatan-jabatan lain juga sama la

FA : Kenapa setiap pekerja di muzium-muzium di Kelantan akan ditukarkan? Contohnya encik, kenapa encik dipindahkan dari muzium lain ke muzium ini?

EZ : *Ubah* [ditukarkan] tu atas bidang kuasa dia la.

**FA : Paling lama encik pernah bekerja dekat Muzium mana?**

**EZ : Saya paling lama di Istana Jahar.**

**FA : Pameran yang sering diadakan di muzium ini ada tempoh masa tak? Macam seminggu sekali ke? sebulan sekali ke?**

**EZ : Ada juga tiga bulan sekali.**

**FA : Dia ada tema tak?**

**EZ : Hm ada.**

**FA : Dia macam ikut bulan tak contoh macam bulan lapan [8] ada kemerdekaan, dia buat tema kemerdekaan?**

**EZ : Haa lebih *kure* [kurang] *gitu* [macam itu] pun ada jugak.**

**FA : Contoh pameran yang diadakan ni selalu makan masa berapa hari?**

**EZ : Selalunya dua bulan tiga bulan ka, mace [macam] sekarang ni tiga bulan buat la.**

**FA : Maksudnya habis yang tu baru yang lain pulak? Macam tu?**

**EZ : Haa yang lain pulak.**

**FA : Kiranya berterusan la pameran tu?**

EZ : Haa berterusan.

**FA : Bahan untuk pameran, selalunya dia ambik dari muzium negeri ke dari macam sembilan-sembilan muzium yang terlibat?**

EZ : Setengah itu kita pinjam dari muzium-muzium lain – muzium-muzium negeri lain lah. Lepas itu *kebanyakake* [kebanyakan] *bare-bare* [barang-barang] itu kita ada *dale* [dalam] simpanan kita, kita ada stor, kita ada satu stor tu untuk simpan *bahe-bahe* [bahan-bahan].

**FA : Contoh barang yang dipelihara di muzium ni ada tempoh masa tak?**

EZ : Tak da masa.

**FA : Boleh tayang sampai bila-bila la?**

EZ : Hmm.

**FA : Contoh dari segi ruang di dalam muzium, makin hari barang makin bertambah kan, macam mana dari segi nak tempatkan semua barang?**

EZ : *Bare* [barang] ni tak bertambah sangat, cuma kita alih-alih tempat sesuai dengan pameran kita la. *Mace* [macam] sekarang ni kita buat pameran terowong masa. Terowong masa ni sebenarnya *kalu* [kalau] *ore* [orang] dulu, *ore* [orang] *zame* [zaman] dulu *denge* [dengan] *hok* [yang] *zame* [zaman] sekare [sekarang] ni, *pastu* [selepas itu], kita amik [ambil] daripada muzium *perae* [perang] tu, *mace* [macam] radio lama ka basikal-basikal jepun ka kita *amik* [ambil] letak *kat* [dekat] sini sesuai dengan pameran ni. Kita pinjam *wok* [bawak] mari sini.

**FA : Pinjam tu ada had masa tak?**

**EZ : Tak da [tidak ada] had masa sebab bare [barang] kita seniri [sendiri]. Kecuali barang-barang yang besar sangat tu kita pinje [pinjam] dengan muzium lain tu muzium negeri lain tu ada had dia la.**

**FA : Dari manakah pihak muzium negeri mendapatkan bahan-bahan untuk menambah koleksi bahan-bahan dalam muzium ini?**

**EZ : Koleksi kebanyaknya [kebanyakannya] kita satunya beli, pastu ore [orang] bagi, hadiah daripada ore [orang], pastu pinjam.**

**FA : Dari segi harga nak beli barang-barang dia mengikut polisi ke?**

**EZ : Kita ada satu jawatankuasa dia untuk memindah bare [barang] tu.**

**FA : Contoh kalau ada orang nak sumbangkan koleksi peribadi, pihak muzium terima tak?**

**EZ : Terima.**

**FA : Atas bayaran ka apa?**

**EZ : Atas bayaran ada, atas ---.**

**FA : Dari segi harga, pernah tak harga yang paling tinggi pernah muzium ni beli?**

**EZ** : *Hok* [yang] paling tinggi tak tahu *bare* [barang] apa tapi ada ja la biasa dulu *bare-bare* [barang] campur *bare* [barang] dikir barat, hak milik raja-raja *kae* [kan] lebih *kure* [kurang] ---.

**FA** : **Mencecah juta ka?**

**EZ** : Tak. Ribu-ribu gitu ja. *Mace* [macam] keris-keris raja pasal dia *dale* [dalam] keris tu dia ada emas, lebih kepada situ la *hat tu* [yang itu] yang mahal sikit.

**FA** : **Kalau nak beli tu pihak muzium terima ja la?**

**EZ** : Untuk dulu la sekare [sekarang] ni *mame* [memang] tak da dah.

**FA** : **Susah la nak cari?**

**EZ** : Sekare [sekarang] ni *mame* [memang] kita *jare* [jarang] sangat la. *Bare-bare* [barang-barang] tu boleh kata kita semua (bunyi lori) \_\_\_\_\_.

**FA** : **Contoh la ada macam individu ni ada barang yang sejarah sepatutnya dia muzium tapi dia sayang nak bagi kemudian, apa inisiatif pihak muzium lakukan untuk individu itu?**

**EZ** : Kita *tak leh* [ tak boleh] buat apa-apa cuma tahap individu tu ja la, *buke* [bukan] kata kita nak tarik nak guna kuasa.

**FA** : **Tak dak [tiada] kata nak puju sampai boleh ka?**

**EZ** : *Tak dak [tiada]. Kecuali, ore [orang] tu penemue [penemuan] tu jumpa dalam tanah ka tepi pantai ka, ok boleh la tu letak dale [dalam] muzium.*

**FA** : **Pameran ni, yang banner [kain rentang] apa semua tu letak kat mana?**

**EZ** : Setiap jalan kira sampe [sampai] ke Gua Musang.

**FA** : **Macam Machang apa semua ada la?**

**EZ** : Haa ada. Setiap jale [jalan] kita letak letak letak.

**FA** : **Dari segi klasifikasi bahan, ada tak nombor-nombor untuk setiap bahan tu?**

**EZ** : Ada.

**FA** : **Dia guna kod tu melalui brusel ini ka?**

**EZ** : Kita ada "MZKM" gapo [apa] gapo [apa] gapo [apa] gitu la

**FA** : **Maksudnya mewakili tu muzium Kelantan la?**

**EZ** : \_\_\_\_\_, haa.

**FA** : **Dia punya sumber nak klasifikasi tu dari Muzium Negara ka buat sendiri?**

**EZ** : Tak, buat sendiri.

**FA** : **Tak perlu ikut standard?**

**EZ** : Haa, cuma teruk sama jugak la, teruk sini dengan sana sama juga, teruk dia tu.

**FA** : Senang tak cara nak dapatkan bahan melalui kod tu?

**EZ** : Boleh cari la.

**FA** : Ada tak macam dari segi penyimpanan data, dia memang yang automatik ka manual?

**EZ** : Yang manual la. Kita ada sore [sorang] pegawai khas untuk \_\_ bare [barang]. Dia *meme* [memang] dia jaga bare-bare [barang-barang].

**FA** : Semua bahan ni dicatat dalam buku log macam tu la?

**EZ** : Haa buku log macam tu la.

**FA** : Dari segi macam nak bagi orang ramai tahu mengenai bangunan ini. Macam mana pihak muzium ini hendak mempromosikan bangunan ini kepada orang ramai?

**EZ** : Buat masa sekarang ni kita promosi, kita pakai satu banner, banting. Kalau setiap pameran lah kalau setiap kali ada pameran kita nak --- tapi sekarang ini kita pakai ni lah.

**FA** : Kalau melalui social media macam facebook instagram ada jugak ke?

**EZ** : Untuk *dale* [dalam] setahun dua ni *meme* [memang] pakai facebook bila sebelum ni pakai cara manual *gitu* [sahaja].

**FA** : siapa yang bertanggungjawab dalam *handle* [mengendalikan] social media tu?

**EZ** : Kita ada manager bahagian IT.

**FA** : Dari segi pengunjung ke muzium ni adakah dia macam meningkat dari hari ke hari?

**EZ** : (angguk) meningkat. Bergantung kepada pameran. Pastu jenis pameran pulak. *Buke* [bukan] kata semua pameran ada *ore* [orang], tidak. Macam dulu kita buat pameran *bare-bare* [barang-barang] nabi. Artifak-artifak Rasulullah apa tu haa *rame* [ramai] la *ore* [orang]. Sebelum pada itu kita buat pameran mumia, mumia untuk kehidupan purba, barang lama. Lepas itu satu lagi pameran ular masa itu. Pameran reptilia.

**FA** : Boleh encik bagitahu berapa anggaran bilangan orang yang datang dalam sehari. Anggaran sahaja.

**EZ** : Kalau sehari tengok atas pameran lah. Berapa anggaran *ore* [orang] kan. Mace [macam] baru ini pameran animasi — animasi tu ramai lah.

**FA** : Pernah tak ramai sangat yang datang, yang memang *full* [penuh] betul muzium ni?

**EZ** : ha pernah. Yang *full* [penuh] betul pameran ---.

**FA** : Boleh encik senaraikan semua pameran yang pernah dilakukan?

EZ : Kalau *start* [bermula] pada januari kita buat satu terowong masa ni, sebelum pada ni kita ada buat animasi. Eh, kucing dulu kita buat suatu benda yang kucing-kucing yang cantik kucing-kucing yang jual mahal.

FA : **Bukannya sekadar untuk kita tayangkan benda-benda macam lamakan?**

EZ : *Buke* [bukan] *bare* [barang] lama saja, itu untuk *pendidike* [pendidikan] kita panggil *mace* [macam] *pamera* [pameran] artifak rasulullah kan kita panggil pameran *pendidike* [pendidikan] perdana. Disitu kita campur la barang kisah-kisah nabi, cerita perihal tok janggut, kisah sejarah. Yang biasa-biasa untuk *ore* [orang] *awe* [awam] ni kita buat bola ---.

FA : **Macam dari segi situ lagi ramai la boleh datang sebab *diorang* [mereka] tengok bukan pasal sejarah ja kan?**

EZ : Sedaknya [seronoknya] pameran hantu. Hantu pun kita buat. Nak *tau* [tahu] *cita* [cerita] hantu kita but pameran hantu, hantu semua jenis hantu ada.

FA : **Buat macam rumah hantu yang selalu ada kat ---?**

EZ : *Buke* [bukan] rumah hantu, hantu betul. Gantung mini patung la.

FA : **Ramai tak pengunjung waktu tu?**

EZ : Pengunjung *meme* [memang] ramai, *ore* [orang] berminat. *Meme* [memang] kalau *kelate* [Kelantan] kita *pamera* [pameran] *gitu* [begitu] *meme* [memang] ramai *ore* [orang]. *Kalu* [kalau] *pamera* [pameran] hari biasa ka *meme* [memang] *kure* [kurang],

sejarah pun *kure* [kurang] la. Sebab dia *bahagie* [bahagian] *ore* [orang] semua kae [kan]. Kalau animasi tu dia *rame* [ramai] pun sebab budak-budak.

**FA : Macam alat muzik ka pernah buat?**

**EZ : Hm (angguk).**

**FA : Maksudnya siap dengan boleh main ka cana [macam mana]?**

**EZ : Boleh main *bare* [barang] tu – alat muzik \_\_\_\_.**

**FA : Selain tu ada lagi pameran yang macam antara yang terkenal?**

**EZ : Kalau ore [orang] kenal sini, ore [orang] ulang, pahtu [selepas itu] \_\_\_\_\_.**

**FA : Ada tak lawatan berpandu di sini?**

**EZ : Lawatan berpandu tu untuk lawatan-lawatan rasmi ada la.**

**FA : Contoh macam sekolah nak buat rombongan tu apa prosedur yang perlu dibuat?**

**EZ : Kalau *lawate* [lawatan] sekolah tu, terutamanya nak surat, \_\_\_\_\_ (bunyi lori) pastu kena cas sikit la.**

**FA : Dia ikut macam harga sorang tiga ringgit [RM3] ka dia ada harga lain?**

**EZ : Ada harga lain, *special* [istimewa] harga.**

**FA** : Pernah tak banyak macam melebihi – paling banyak la bas yang datang sekali gus?

**EZ** : Untuk pameran-pameran, tengok atas pameran la, masa dulu ada pameran kisah nabi, *meme* [memang] sekolah-sekolah pondok apa *sume* [semua] ramai juga la, banyak juga la.

**FA** : Kalau macam pameran, kena bayar tak ikut harga muzium?

**EZ** : (angguk kepala) dia ada *kutipe* [kutipan] tiket.

**FA** : Apa contoh inisiatif yang pihak muzium lakukan nak tarik pengunjung datang selain pameran?

**EZ** : Selain daripada pameran kita buat bengkel lah tapi kita tidak buat di muzium negeri. Kita buat di muzium-muzium lain, muzium lain lah. Dia muzium jugak.

**FA** : Adakah bengkel yang diadakan terhad atau terbuka kepada orang ramai? Adakah cas akan dikenakan kepada sesiapa yang ingin menyertai bengkel tersebut?

**EZ** : Terhad juga. Bengkel-bengkel kalau tu ada cas juga sikit. Bengkel batik, bengkel wau, bengkel lukisan.

**FA** : Contoh dari segi bayaran yuran nak masuk sini berbeza ikut yuran?

**EZ** : Yuran *meme* [memang] takdak. Tiket berbeza tengok atas jenis-jenis pameran. Kalau pameran tu – kalau pameran tu nampak kos tu tinggi, lagi tinggi sikit tiket tu.

**FA** : Kalau harga tiket biasa untuk masuk ke muzium ni berapa?

**EZ** : Biasa ni kalau tiket biasa ni RM 2 sahaja, kalau untuk tempatan. Kalau untuk orang luar biasa tu *foreigner* [pelancong] itu *meme* [memang] RM 4.

**FA** : Pada pandangan encik, perlu tak kalau orang di sini membuat kad ahli?

**EZ** : ha *meme* [memang] dulu kita ada kad sahabat muzium (bunyi kenderaan). Sahabat muzium rasa kan dalam RM 3 sahaja setahun.

**FA** : Sekarang masih diteruskan lagi ke?

**EZ** : Sekare [sekarang] takdak [tidak ada], berhenti dulu.

**FA** : Macam nanti akan ada balik semula ke macam mana?

**EZ** : Urm. Mungkin ada.

**FA** : Kenapa pembuatan kad ahli berhenti?

**EZ** : Itu atas *penguruse* [pengurusan] lah.

**FA** : Contoh yang buat kad ahli ini, ada ke kelebihan yang dia akan dapat?

**EZ** : Urm. Dia – pertamanya dia akan tahu pameran gapo [apa] ada di muzium. *Pastu* [lepas itu] setiap kita keluar majalah ke apa, semua kita akan hantar pada dia.

**FA** : Apakah proses pemeliharaan dan pemuliharaan yang dilakukan dekat muzium ini untuk kekalkan muzium ni lebih lama? Antara proses yang terlibat.

**EZ** : Kalau untuk *bangune* [bangunan] *meme* [memang] ada jugak lah tapi kata cat-cat baru *gapo* [apa] semua. Kalau untuk *bare-bare* [barang-barang] itu *meme* [memang] ada juga.

**FA** : Yang untuk pameran, paling ramai pameran animasi ke ada lagi yang paling menarik?

**EZ** : Kalau daripada awal sampai sekarang ni animasi la.

**FA** : Dia akan berulang tak *benda* [pameran] itu? Dah tahu macam ramai orang datang pihak muzium akan buat pameran [animasi] lagi?

**EZ** : Mungkin boleh jugak tapi lama sangat la lagi.

**FA** : Contoh peraturan yang perlu semua orang buat bila masuk muzium ni apadia yang kena buat?

**EZ** : Yang utamanya tak boleh bising, *pahtu* [selepas itu] *takleh* [tidak boleh] ambil-ambil gambar.

**FA** : Macam makan minum apa semua *takleh* [tak boleh] kan?

**EZ** : Makan minum tak boleh. Beg pun kalau beg besar-besar kena tinggal.

**FA : Dari segi kawalan keselamatan, apakah yang pihak muzium guna jika berlaku kebakaran?**

**EZ** : Kita ada satu *pemade* [pemadam] api lah, *pemade* [pemadam] api. Kita jaga daripada *ore* [orang] pelawat ini untuk tidak boleh hisap rokok *dale* [dalam] sini, kawal.

**FA : Boleh tangkap gambar ke kalau masuk dalam?**

**EZ** : Dulu *dilare* [dilarang] ambik gambar. Sekare [sekarang] ini tidak boleh hendak \_\_\_\_\_. Tidak sama kan sebab telefon ada. Tengok atas pameran-pameran jugak.

**FA : Macam CCTV semua ada diletakkan ke dalam ini?**

**EZ** : CCTV ada jugak, tidak banyak.

**FA : Contoh dah keluar muzium ada tak macam *check* [semak] barang-barang dulu?**

**EZ** : Ada tapi tak banyak la.

**FA : (kenderaan lalu) Kenapa pejabat sementara perbadanan muzium ini pindah ke istana jahar tidak pergi ke bangunan lain?**

**EZ** : Dia daripada istana jahar pindah ke muzium negeri.

**FA : Siapa yang bertanggungjawab dalam proses pelihara dan pemulihara barang-barang yang terdapat di dalam muzium ini?**

**EZ** : Itu penyelia-penyelia masing-masing lah.

**FA** : Lagi satu dari segi macam pengarah yang kat belakang ini kan (tunjuk gambar di belakang) saya tengok macam tempoh berkhidmat dalam dua hingga tiga tahun. Kenapa macam tak ya untuk tempoh berkhidmat bagi setiap pengarah tu?

**EZ** : Dia sebab kita *pinje* [pinjam] dari kerajaan negeri. Diaorang ini dia pegawai tadbir negeri – pegawai tadbir negeri ni dia, *jawate* [jawatan] *dionya* [dia] pegawai daerah DO lah.

**FA** : Adakah pengarah-pengarah yang tidak berkhidmat di sini bermakna sudah berpencen?

**EZ** : Tidak semestinya pencen jugak. Cuma dia tukar ke jabatan lain pulak.

**FA** : Bagaimana pihak muzium menarik minat orang muda?

**EZ** : Kita buat satu pameran-pameran itu dia mari hendak tengok pameran *mace* [macam] animasi kan. Dia mari nak tengok tu kita bagi peluang dia tengok *bare-bare* [barang-barang] lama itu, sejarah-sejarah lama apa, macam gua, gua char.

**FA** : Dari segi lampu-lampu di Muzium ni, ada berbeza ke? Macam ada tempat di Muzium ini tidak boleh buka lampu seperti di bahagian pameran gua.

**EZ** : Gua tu *meme* [memang] kita buat gimik *gitu* [seperti itu] lah kita pakai censor. Gua ni pada asal dia gelap ja. Kita masuk gelap, pastu buat censor dia akan automatik.

**FA** : Adakah tempat khas untuk tempat pemuliharaan dan pemeliharaan?

**EZ** : *Mace* [macam] bilik khas tu *takdak* [tidak ada] lah. Stor-stor tu *meme* [memang] ada.

**FA : Siapakah yang bertanggungjawab dalam kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan?**

**EZ : Kerja-kerja kena penyelia-penyselia. Pembantu muzium.**

**FA : Adakah proses pemuliharaan dan pemeliharaan memerlukan ramai staf?**

**EZ : Tidak ramai. Tengok atas barang.**

**FA : Apakah penerimaan masyarakat di sini ketika tubuhnya bangunan Muzium Negeri?**

**EZ : Setakat ni *meme* [memang] hargai. Orang *meme* [memang] \_\_ sejarah muzium-muzium ini**

**FA : Bolehkah encik ceritakan kejayaan yang pernah muzium ini perolehi?**

**EZ : Kejayaenya [kejayaan] dimana pameran-pameran raja lah yang kita buat.**

**FA : Pameran tersebut melibatkan siapa? Contohnya orang atasan seperti menteri-menteri.**

**EZ : Ada semua. Menteri ada raja apa semua ada. Mereka sendiri turun. Ada satu tahun lepas kita buat pameran Agong. \_\_ Agong. Masa dia dilantik jadi Agong. Kita buat pameran khas untuk dia.**

**FA : Pameran tersebut terbuka untuk orang luar atau orang atasan sahaja?**

**EZ** : Terbuka untuk semua.

**FA** : Adakah pihak Muzium Negeri akan berpindah sekiranya terdapat tempat yang lebih luas?

**EZ** : Untuk setakat ni *takdak* [tidak ada] lagi rancangan hendak pindah. Sebelum pada ini ada satu tapak untuk muzium negerinya di kota bandar baru. Sekarang ini dia jadikan masjid, masjid Ismaili. Masjid besar tu dekat kota bandar tu *meme* [memang] situ tapak muzium besar ini.

**FA** : Kenapa pihak muzium tidak berpindah?

**EZ** : Masa tu mungkin *peruntukae* [peruntukkan] *takdak* [tidak ada] lagi

**FA** : Dari segi pelan untuk melakukan pameran, siapa yang terlibat?

**EZ** : Pengarah dengan staf-staf semua la terlibat. Macam nak rancang pameran apa semua.

**FA** : Pernah tidak muzium ini ditutup sementara untuk tujuan tertentu?

**EZ** : (Angguk) Untuk *renovate* [baiki] lah. (bunyi alarm kereta) Daripada pameran ni ke pameran lain. Ada yang *sebule* [sebulan] ada yang dua [2] minggu.

**FA** : Tutup sepenuhnya atau separuh?

**EZ** : Ha. Tutup sepenuhnya.

- FA : Tidak melibatkan muzium lain kan?
- EZ : Ha. Tidak melibatkan muzium lain. Satu muzium sahaja
- FA : Yang saya tahu kat Kelantan ni ada *sembilan* [9] buah muzium kan, kenapa tak macam satukan semua muzium ni sekali?
- EZ : Pertamanya, sebab masalahnya *bangunae* [bangunan] -- *bangunae* [bangunan] tu *kito* [kita] dapat dari *kerajaean* [kerajaan] negeri ni *bangunae* [bangunan] kecik-kecik, *bangunae* [bangunan] besar *bangunae* [bangunan] lama ni kecik-kecik, nak satukan kemungkinan tak boleh la sebab kita ada banyak *bare-bare* [barang-barang] hok [yang] kita beli dan semuanya.
- FA : Maksudnya setiap muzium yang *sembilan* [9] ni fungsi dia berbeza la, boleh Encik cerita setiap satu tu macam contoh istana jahar fokus kepada apa -- boleh encik cerita?
- EZ : Misal kata sini muzium negeri - kita adakan pameran berkala tu, lepas tu kita ada sejarah Gua Char (bunyi telefon bergetar) \_\_\_\_\_ lepas tu - pameran-pameran biasa la *macae* [macam] wayang kulit *kebudayaan* [kebudayaan] la \_\_\_\_\_ alat muzik - melambangkan --- (bunyi hon kereta). Lepas tu pergi ke balai seni lukis – balai seni lukis ni memang khas untuk lukisan \_\_ \_\_, ke arah seni. Di situ di balai seni ni kita ada bengkel *lukisae* [lukisan], kalau ada sapa-sapa nak belajar *lukisae* [lukisan] boleh la percuma la tu.
- FA : Kenapa tak dikenakan sebarang caj?

**EZ** : Meme [memang] tak kena la, *disebabkae* [disebabkan] bukan cara besar sangat sebab \_\_\_\_ seni ni dia ada *persatuae* [persatuan] dia.

**FA** : Besar tak bangunan balai seni?

**EZ** : Tak sangat.

**FA** : Antara semua ni yang mana paling besar?

**EZ** : Kalau yang paling besar sini istana jahar la muzium adat.

**FA** : Okay seterusnya muzium islam.

**EZ** : Muzium islam ni kita ada ulamak-ulamak, pastu kitab-kitab lama - sekarang ni kita ada pameran tok guru situ -- tok guru Nik Aziz kita buat satu balai khas untuk sejarah dia la - tokoh-tokoh, ulama-ulama lama, kitab, ulama.

**FA** : Macam sekarang ni ada fungsi masing-masing la berbeza?

**EZ** : Macae [macam] di istana jahar tu muzium adat istiadat raja -- muzium adat istiadat ni bermula *dengae* [dengan] adat *pertunangae* [pertunangan], start *tunae* [tunang] lepas tu kawin lepas pada kawin tu dapat anak lepas anak tu adat -- adat lenggang perut dulu. Adat lenggang perut lepas tu dapat anak adat bercukur pulak lepas bercukur tu adat pijak tanah.

**FA** : Memang dalam muzium tu dia cerita satu persatu?

**EZ** : Haa satu persatu kita ada bilik-bilik -- bilik-bilik satu persatu ada dengan *peralatae* [peralatan] dia sekali la.

**FA** : **Macam yang Encik pernah cakap ada pameran raja tu yang betul-betul terlibat ni istana jahar ka?**

**EZ** : Kalau kira *first* [pertama] muzium yang mula-mula sekali tu *meme* [memang] di istana jahar tu kita buat pameran raja -- raja la. Tapi kita kemudian ni ada pameran untuk agong la - tu di muzium negeri. Tapi khusus untuk raja tu kita ada istana batu -- istana batu muzium diraja dia panggil.

**FA** : **Dia lain ka dengan istana jahar tu dengan muzium batu lain?**

**EZ** : Muzium adat ni lebih kurang dalam 100 tahun kemudian, 100 tahun lebih dah *bangunae* [bangunan] tu. Muzium batu pun dalam berapa puluh tahun.

**FA** : **Macam muzium batu ni khas untuk apa?**

**EZ** : Muzium batu ni khas untuk pameran raja, pameran-pameran untuk raja la *macae* [macam] *alatae* [alatan] raja, bilik-bilik. Situ rumah kediaman dulu, rumah Tuanku Sultan Ismail. Tuanku dulu kae ayah kepada Sultan Muhammad ni dia tinggal situ, jadi ada bilik-bilik la untuk adik beradik dia. Ni dia pamer bilik-bilik - ada bilik merah ni untuk adik beradik Sultan Ismail, untuk kakak dia. Lepas tu dipanggil istana batu ni sebab *bangunae* [bangunan] tu diperbuat daripada batu, bilik-bilik tu ada bilik biru bilik merah, hijau.

**FA** : **Selain Sultan Ismail, ada lagi ka untuk Sultan lain punya?**

**EZ** : Sultan-sultan lain tu *meme* [memang] fokus pada cenderamata la *kebanyakkae* [kebanyakkan] nya. Masa dulu kita buat - keputeraan raja ni dia gi kepada *jajahae-jajahae* [*jajahan-jajahan*], gi *jajahae* [*jajahan*] ni akan bagi cenderamata pada Tuanku la. Tuanku ni dia simpan hadiah *sakni* [tadi] cenderamata tu dia letak kat istana batu la untuk semua orang boleh tengok, hadiah-hadiah dia bagi apa semua tu. Lepas istana batu tu, *depae* [depan] tu ada muzium *kraftangae* [*kraftangan*] pulak.

**FA** : **Ni semua lokasi muzium ni semua dekat-dekat ka?**

**EZ** : Haa dekat-dekat, semua dalam Kota Bharu dekat pun dekat -- dekat ja boleh jalan kaki antara satu tempat, *bangunae* [bangunan] tu dekat-dekat ja.

**FA** : **Dari segi kraftangan dia fungsi?**

**EZ** : Kraftangan ni kita ada *barae-barae* [barang-barang] kraf la, *macae* [macam] *peralatae* [peralatan] nak tangkap *ikae* [ikan], alat perak.

**FA** : **Ada jugak bengkel, sediakan bengkel?**

**EZ** : Bengkel aa - masa tu kita buat bengkel batik -- masa tu kita buat bengkel batik, kalau ada nak buat batik ataupun --- percuma.

**FA** : **Lepas tu muzium - muzium wau lagi kan?**

**EZ** : Muzium wau -- muzium wau ni duduk di *kerajae* [kerajaan] tumpat.

**FA** : **Kenapa dia tak sekali kat kota Bharu?**

**EZ** : Sebab dulu *meme* [memang] sebelum pada muzium ambik alih tu dia bawah pejabat *kerajaean* [kerajaan] tumpat, sebab pantai *tujuh* [7] tu dekat dengan orang-orang naik wau situ, jadi semua *ore* [orang] nak tengok wau mesti di situ la.

**FA** : **Sekarang ni macam dia jadi bawah Kota Bharu jugak la?**

**EZ** : Bawah pengarah muzium jugak, lokasinya di tumpat. Sekarang ni di muzium -- muzium Kuala Krai ada galeri Kuala Krai.

**FA** : **Galeri ni dia simpan ---?**

**EZ** : Galeri ni dia simpan pada (bunyia azan) *barae-barae* [barang-barang] *macae* [macam] --- dulu tempat letak - penoreh-penoreh getah ka apa dia ada la sejarah-sejarah --- semua-semua gambar di *bangunae* [bangunan] makhamah lama.

## BAHAGIAN 5: CABARAN

**FA : Pernah tak bangunan ini diceroboh?**

**EZ : Kalau kira dalam pada tu *meme* [memang] ada lah. *Meme* [memang] ada pelawat ni dia masuk antaranya masa muzium tutup. Ceroboh masuk.**

**FA : Pernah tak barang paling berharga hilang?**

**EZ : Pernah jugak lah**

**FA : Apakah langkah yang pihak muzium lakukan?**

**EZ : Pertamanya kalau *hile* [hilang] tu kita buat report polis lah. Lepas tu buat *check* [periksa] semua orang *hok* [yang] mana pegawai kakitangan *hok* [yang] bertugas tempat muzium tu kita *check* [periksa] satu-satu. Report polis lah paling penting.**

**FA : Pernah tak bangunan Muzium ini hadapi saat-saat kecemasan seperti banjir?**

**EZ : Banjir pernah.**

**FA : Apa yang pihak Muzium lakukan untuk mengelakkan barang-barang Muzium daripada rosak ketika berlakunya bencana?**

**EZ : Masa bila masuk banjir kita angkat barang-barang semua letak atas tempat tinggi. Kalau muzium negeri ni tak banyak sangat sebab dah *meme* [memang] tinggi dah kalau muzium-muzium lain tu *meme* [memang] masalah lah.**

**FA : Apakah cabaran yang Muzium Negeri hadapi ketika pemelihara dan pemuliharaan?**

**EZ** : Untuk tu *bare-bare* [barang-barang] la. Faktor apabila *mace* [macam] ada kerosakan sikit-sikit tu baiki lah.

**FA : Pernah tak Muzium Negeri menghadapi kebakaran?**

**EZ** : Kalau di Muzium ni memang *takdak* [tidak ada] lagi lah.

## **BAHAGIAN 6: KEJAYAAN/HARAPAN**

**FA : Sebagai seorang yang bekerja di muzium ini, apakah perasaan encik bila muzium ini diiktiraf sebagai muzium bersejarah di Kelantan?**

**EZ : Perasaenya [perasaannya] *meme* [memang] kita rasa bangga la. Kita dapat memberi *sumbangae* [sumbangan] apa semua untuk negeri Kelantan.**

**FA : Harapan encik untuk bangunan ini pada masa hadapan?**

**EZ : Harapaenya [harapannya] ye lah. Agar kita kena jaga tidak rosak lah. Dia kena kekal sebagai mana macam hari ini.**

**FA : Apa harapan encik untuk pengunjung yang melawat ke Muzium?**

**EZ : Pengunjung tu kena tingkat lagi. Buat satu pameran yang kita cari yang pengunjung lebih suka.**

**FA : Akhir sekali, apakah pesanan dan kata-kata terakhir encik tentang kepentingan bangunan bersejarah ini?**

**EZ : Bagi sayanya lepas pada ni pegawai-pegawai yang akan datang lah. Lepas pada saya ni mesti kena jaga lah *bangune-bangune* [bangunan-bangunan]. Mengelakkan *bangune-bangune* [bangunan-bangunan] lama ini.**

# **LAMPIRAN**

**LOG**

**WAWANCARA**

## **LOG WAWANCARA**

Aishatur Hadzirah dan Fatin Atirah menemubual Encik Zainuddin bin Muhammad, yang dilahirkan pada 1962, di Kelantan. Temubual dijalankan di Muzium Negeri Kelantan di Kota Bharu, Kelantan, mengenai sejarah penubuhan bangunan Muzium Negeri Kelantan iaitu daripada tahun 1990 hingga sekarang.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
00:00:00	Ucapan pembukaan sesi temubual kajian sejarah lisan	
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG</b>		
00:00:17	Latar belakang individu	Zainuddin Bin Abdullah 57 tahun 16/11/1962 Kota Bharu Bandar Bharu, Kubang Kerian
00:01:30	Latar belakang keluarga	Abdullah bin Yusuf Bidah Binti Latif Enam adik beradik
00:02:03	Latar belakang perkahwinan	Sekitar tahun 1982-1983 Tujuh orang anak Empat orang cucu Jamilah Binti Ibrahim Suri rumah
<b>BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN</b>		
00:04:50	Senarai sekolah	SK Langgar Sekolah Menengah Putra
<b>BAHAGIAN 3: LATAR BELAKANG PEKERJAAN</b>		
00:05:35	Pekerjaan pertama	16 tahun Buruh Kasar
00:08:35	Pekerjaan di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	19 tahun Orang perkenalkan Melalui proses temuduga dengan kerajaan negeri

00:15:20	Perubahan yang dilakukan sepanjang beliau bekerja di Muzium Negeri	Pameran Bahan-bahan muzium Negeri
----------	--	--------------------------------------

**BAHAGIAN 4: SEJARAH ASAL USUL BANGUNAN PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN**

00:25:40	Menceritakan asal-usul bangunan Muzium Negeri Kelantan	Majlis Perbandaran Kota Bharu 1990, bangunan Muzium Negeri Kelantan dirasmikan.
00:27:30	Tujuan bangunan tersebut dibina	Dijadikan pejabat kerajaan negeri. Untuk urusan-urusan kerajaan negeri.
00:28:01	Keistimewaan bangunan Muzium Negeri Kelantan	Batu konkrit
00:32:30	Sebab kenapa bangunan Muzium Negeri Kelantan diisyiharkan sebagai salah satu bangunan bersejarah di bawah akta kebangsaan	Bangunan lama Dibuat daripada sejenis batu yang lain daripada yang lain
00:46:52	Kekuatan bangunan yang menyebabkan bangunan ini bertahan sehingga sekarang	Tanah yang kuat dan tidak mendap.

**BAHAGIAN 5: REKA BENTUK BANGUNAN PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN**

00:49:07	Ciri-ciri bangunan	Siling diperbuat daripada buluh 1988 Tradisional Tahan sejuk
----------	--------------------	---

**BAHAGIAN 6: PENGURUSAN DI BANGUNAN PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN**

00:51:30	Sumber wang diperolehi untuk membina bangunan tersebut	Pejabat kerajaan Pejabat warisan
----------	--	-------------------------------------

00:53:04	Bilangan pekerja	Untuk pameran: 1 penyelia 3 penjaga muzium 1 pakar operasi 70 orang untuk semua muzium di Kelantan
00:55:00	Sumber bahan pameran	Pinjam dari muzium-muzium lain Dalam simpanan muzium
00:55:11	Sumber koleksi bahan di Muzium	Beli Hadiah Pinjam

#### **BAHAGIAN 7: CABARAN**

01:04:22	Cabaran yang pernah dihadapi	Diceroboh ketika muzium tutup Barang hilang Banjir
----------	------------------------------	--

#### **BAHAGIAN 8: KEJAYAAN/HARAPAN**

01:09:26	Harapan	Bangunan: Tidak rosak dan kekal Pengunjung: Kena tingkat lagi
01:11:13	Pesanan dan kata-kata akhir	Jaga dan mengekalkan bangunan lama

# **DIARI KAJIAN**

## **DIARI KAJIAN**

TARIKH	MASA	PERKARA	KETERANGAN
12.03.2019 (SELASA)	8.30 PAGI	Mendapat tugasan dan tajuk	Tajuk mengenai Bangunan Bersejarah di Kelantan diberi oleh pensyarah
12.03.2019 (SELASA)	10.00 PAGI	Mencari Bangunan Bersejarah di Kelantan	Mencari di internet mengenai senarai Bangunan Bersejarah di Kelantan. Berjaya mendapatkan maklumat mengenai Muzium Negeri Kelantan. Berhubung melalui telefon dan meminta izin untuk melakukan temubual bagi tujuan penyelidikan. Pihak Muzium Negeri Kelantan mencadangkan untuk menemuramah pegawai pereka mereka iaitu en. Zainuddin bin Abdullah
26.03.2019 (SELASA)	8.00 PAGI	Membentangkan mengenai bangunan yang dipilih	Membentangkan maklumat yang diperolehi di hadapan pensyarah seperti nama bangunan, orang yang bakal ditemuramah, tarikh penubuhan bangunan dan lain-lain bagi memperolehi persetujuan daripada beliau sebelum meneruskan sesi temu ramah.
02.04.2019 (SELASA)	12.00 TENGAH HARI	Merangka soalan untuk ditanyakan dalam sesi temubual	Merangka soalan berdasarkan tokoh yang bakal ditemubual dan maklumat mengenai bangunan mengikut bahagian seperti

			sejarah bangunan, latar belakang tokoh dan harapan.
11.04.2019 (KHAMIS)	10.00 PAGI	Menetapkan tarikh dan masa untuk sesi temubual bersama tokoh	Membuat panggilan telefon ke Muzium Negeri Kelantan untuk bertanyakan mengenai masa yang bersesuaian untuk mengadakan temubual. Pihak Muzium Negeri Kelantan mencadangkan tarikh 21.04.2019 dan memberikan nombor telefon peribadi tokoh.
18.04.2019 (KHAMIS)	11.00 PAGI	Membuat panggilan telefon kepada tokoh	Membuat panggilan telefon untuk mengingatkan mengenai masa temubual yang ditetapkan pada keesokan harinya dan proses temubual yang bakal dilakukan. Tokoh meminta kami untuk menghantar soalan temubual kepada beliau melalui email rasmi Muzium Negeri Kelantan.
21.04.2019 (AHAD)	10.00 PAGI	Mengadakan temubual bersama tokoh	Temubual dilakukan bersama tokoh untuk mendapatkan maklumat mengenai bangunan Muzium Negeri Kelantan. Tokoh diberi penjelasan terlebih dahulu sebelum sesi temubual dilakukan.

# **SENARAI SOALAN**

## **SENARAI SOALAN**

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Aishatur Hadzirah Abdul Hamid, Anis Syakirah Sharizal dan Fatin Atirah Nokman bersama Encik Zainuddin bin Abdullah mengenai latar belakang dan sejarah pembinaan bangunan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan yang telah ditubuhkan pada tahun 1990 hingga kini. Temubual ini dijalankan di Muzium Negeri Kelantan pada 21 April 2019.

### **LATAR BELAKANG INDIVIDU**

Assalamualaikum encik, sebagai permulaan perbualan kita pada hari ini, boleh encik ceritakan serba sedikit latar belakang encik iaitu:

1. Siapakah nama encik?
2. Apakah nama gelaran encik? Maksud kami nama timang-timangan, nama glamour atau nama panggilan yang sering digunakan oleh orang sekeliling Encik?
3. Berapakah umur encik?
4. Bilakah tarikh lahir encik?
5. Dimanakah encik dilahirkan?
6. Dimanakah tempat tinggal encik sekarang dan mengapa encik membuat keputusan untuk terus menetap di situ?
7. Selain di Kelantan, pernahkan encik menetap di negeri lain? Jika ya, boleh encik ceritakan pengalaman sepanjang merantau ke tempat orang?

Soalan seterusnya, bolehkah encik ceritakan mengenai sejarah latar belakang keluarga encik iaitu:

8. Apakah nama ayah encik?
9. Apakah nama ibu encik?
10. Berapakah bilangan adik beradik encik dan encik anak keberapa?
11. Siapakah nama adik beradik encik?
12. Adakah encik sudah berkahwin?
13. Pada tahun bilakah encik berkahwin dan berapakah usia encik pada waktu itu?
14. Siapakah nama isteri encik?
15. Adakah isteri encik juga berasal dari negeri yang sama dengan encik?
16. Berapakah bilangan anak encik?
17. Siapakah nama anak encik?
18. Berapakah umur anak encik?
19. Adakah semua anak-anak telah mendirikan rumah tangga atau masih belajar?

20. Apakah pekerjaan anak-anak encik (jika sudah bekerja)?
21. Selain kami, pernah tak Encik ditemuramah oleh pihak lain?
22. Boleh encik ceritakan pengalaman manis yang pernah encik lalui sepanjang perjalanan hidup encik?
23. Boleh encik ceritakan pengalaman pahit yang pernah encik lalui sepanjang perjalanan hidup encik?

#### LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Bahagian seterusnya ialah mengenai latar belakang pendidikan encik. Di bahagian ini, encik akan ditanya mengenai latar belakang pendidikan encik iaitu dari Sekolah Rendah hingga ke peringkat pendidikan tertinggi yang dicapai oleh encik. Soalan pertama ialah:

24. Apakah nama sekolah yang pernah encik bersekolah dahulu?
25. Dimanakah lokasi sekolah itu?
26. Adakah encik pernah melanjutkan pelajaran di peringkat universiti?
27. Apakah nama universiti encik dan dimana?
28. Apakah jurusan yang diambil oleh encik?
29. Apakah sebab encik memilih untuk menceburi jurusan ini?
30. Berapa lamakah tempoh pengajian encik dalam melanjutkan pelajaran?
31. Apakah peringkat pengajian tertinggi yang diperolehi oleh encik?
32. Apakah institusi pengajian terakhir encik?
33. Apakah pencapaian tertinggi yang pernah dicapai oleh encik semasa berada di peringkat universiti?

#### LATAR BELAKANG PEKERJAAN

Soalan seterusnya ialah mengenai serba sedikit tentang latar belakang pekerjaan encik seperti pekerjaan awal encik sehingga ke pekerjaan sekarang. Soalan pertama ialah:

34. Boleh encik ceritakan pekerjaan pertama yang encik lakukan sebelum bekerja disini?
35. Berapa lamakah encik melakukan pekerjaan itu?
36. Berapa banyakkah pekerjaan yang pernah encik lakukan?
37. Berapa lamakah encik melakukan pekerjaan-pekerjaan itu?
38. Apakah yang mendorong encik untuk melakukan pekerjaan-pekerjaan itu?
39. Siapakah yang mendorong encik untuk melakukan semua pekerjaan-pekerjaan itu?

40. Apakah pengalaman manis encik semasa di alam pekerjaan?
41. Apakah perasaan encik apabila ditawarkan perkerjaan / jawatan yang disandang sekarang?
42. Siapakah orang pertama yang memperkenalkan bidang ini kepada encik?
43. Apakah jawatan encik di dalam struktur pentadbiran bangunan ini?
44. Apakah kelayakan yang diperlukan untuk memegang jawatan ini?
45. Berapa lamakah encik telah menyandang jawatan ini?
46. Apakah sebab utama yang mendorong encik untuk bekerja di sini?
47. Apakah kesukaran yang dihadapi yang encik hadapi semasa bekerja di bangunan ini?
48. Bagaimanakah encik mengatasi kesukaran tersebut?
49. Apakah sumbangan yang pernah dilakukan oleh encik sepanjang bekerja di dalam bangunan ini?
50. Apakah kenangan yang encik ingati sepanjang bekerja di bangunan ini?
51. Sepanjang encik menceburi bidang ini, apakah pembaharuan yang dibawa oleh encik?
52. Apakah pembaharuan yang bakal encik laksanakan pada masa akan datang?

## ASAL USUL BANGUNAN PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN

### i. SEJARAH

Tujuan utama temu bual ini dilakukan adalah untuk mengetahui tentang asal usul dan sejarah pembinaan bangunan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Oleh itu, bolehkan encik ceritakan latar belakang sejarah penubuhan bangunan ini. Soalan pertama ialah:

53. Boleh encik ceritakan asal usul bangunan ini?
54. Bilakah tarikh sebenar bangunan ini dibina?
55. Siapakah yang membina bangunan ini?
56. Bagaimanakah tercetusnya idea untuk menubuhkan bangunan ini?
57. Apakah sebab utama bangunan ini dibina?
58. Berapa lamakah masa yang diambil untuk membina bangunan ini?
59. Apakah kegunaan atau fungsi bangunan ini sebelum digelar muzium negeri Kelantan?
60. Apakah keistimewaan bangunan ini?
61. Mengapa bangunan itu dipilih sebagai bangunan perbadanan muzium negeri Kelantan?
62. Mengapakah bangunan ini dianggap sebagai bangunan bersejarah di Kelantan?
63. Pada tahun bilakah bangunan ini dikenali oleh orang ramai?
64. Adakah terdapat perbezaan bagi kegunaan bangunan ini sekarang?

65. Mengapakah bangunan ini dibina di lokasi ini?
66. Mengapakah bangunan ini diisyiharkan sebagai salah satu bangunan bersejarah di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005?
67. Pada pendapat encik, apakah ciri yang menyebabkan bangunan ini diiktiraf sebagai bangunan bersejarah?
68. Siapakah yang menjadi inspirasi dalam pembinaan bangunan ini?

ii. REKA BENTUK

Seterusnya dari aspek reka bentuk bangunan, boleh encik ceritakan serba sedikit berkenaan dengan reka bentuk pembinaan bangunan ini. Soalan pertama ialah:

69. Boleh encik ceritakan sedikit berkaitan struktur awal pembinaan bangunan ini?
70. Adakah bangunan ini menggunakan sedikit bahan berdasarkan kayu atau selain batu pada mana-mana bahagian struktur bangunan?
71. Apakah pemberian dan ubah suai yang telah dilakukan sesuai dengan sebuah Muzium?
72. Siapakah yang mencetuskan idea untuk menyediakan ruang-ruang untuk membahagikan aliran cerita yang ditetapkan bagi Muzium?
73. Mengapakah bangunan ini memilih warna putih berbanding warna lain sebagai warna bangunan?
74. Apakah jenis cat yang digunakan pada bangunan ini?
75. Apakah kekuatan bangunan ini yang menyebabkan ia dapat bertahan walaupun telah lama dibina?
76. Apakah cara penjagaan yang digunakan untuk mengukuhkan seni bina bangunan ini?
77. Adakah bangunan ini pernah menghadapi kerosakan yang teruk dari segi struktur bangunan?
78. Adakah terdapat perubahan fizikal yang dilakukan pada bangunan ini?
79. Pada pendapat encik, apakah yang ciri penting dalam pembinaan sesebuah bangunan dari segi senibina iaitu iaitu sama ada menitik beratkan identiti bangunan atau membina bangunan mengikut ‘trend’?

### iii. PENGURUSAN

Selain itu, dari aspek pengurusan sesebuah bangunan semestinya amatlah penting untuk diambil berat. Oleh itu, bolehkah encik ceritakan sedikit ilmu dan pengetahuan tentang pengurusan bangunan muzium ini?

80. Dari manakah sumber wang yang diperolehi untuk membina bangunan ini?
81. Adakah bangunan ini memerlukan kos yang tinggi untuk menghasilkannya?
82. Berapakah jumlah kos yang digunakan untuk membina bangunan ini?
83. Adakah bangunan ini mendapat galakkan dan bantuan daripada mana-mana agensi kerajaan?
84. Berapa bilangan pekerja yang terlibat semasa proses pemberian dan baik pulih bangunan?
85. Adakah terdapat kerjasama dengan pihak kerajaan dalam memperkenalkan bangunan ini?
86. Bagaimanakah pihak encik mempromosikan bangunan ini kepada orang ramai?
87. Apakah media sosial yang digunakan untuk mempromosikan bangunan ini?
88. Adakah pengunjung ke bangunan ini semakin meningkat dari hari ke hari?
89. Dalam sehari, berapakah anggaran bilangan pengunjung yang datang ke bangunan ini?
90. Apakah inisiatif yang digunakan untuk menarik pengunjung ke bangunan ini?
91. Adakah pengunjung dikenakan bayaran yuran untuk mengunjungi bangunan ini?
92. Adakah setiap pengunjung perlu membuat kad ahli untuk mengunjungi bangunan ini?
93. Adakah proses atau cara memelihara dan memulihara bangunan ini yang digunakan oleh pihak encik sentiasa bertukar atau pihak encik hanya menggunakan cara yang sama sejak bangunan ini dibina?
94. Adakah bangunan ini dilengkapi oleh sistem kecemasan yang bagus dalam memastikan tiada kejadian yang tidak diingini berlaku?
95. Boleh encik ceritakan kepentingan setiap sistem kecemasan yang dilaksanakan dan digunakan oleh pihak muzium?
96. Berapakah bilangan kakitangan yang dilantik menjalankan segala aktiviti Perbadanan Muzium Negeri Kelantan semasa tahun 1980.
97. Pada tahun 1981, mengapakah pejabat sementara Perbadanan Muzium ini berpindah ke Istana Jahar tidak di bangunan lain?
98. Siapakah yang bertanggungjawab dalam memelihara dan memulihara bangunan ini?
99. Pendekatan apakah yang perlu dilakukan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan bangunan ini?

#### iv. CABARAN

Berdasarkan pengalaman atau pengetahuan encik, boleh encik ceritakan sedikit apakah cabaran atau halangan yang pernah dihadapi oleh bangunan muzium ini dari aspek pembinaan, penjagaan ataupun pengurusan?

100. Apakah cabaran yang dihadapi sepanjang tempoh pembinaan bangunan ini?
101. Adakah bangunan ini pernah mengadapi saat-saat kecemasan seperti banjir atau kebakaran yang memberi kesan kepada struktur bangunan?
102. Apakah solusi yang pihak tuan akan lakukan jika bangunan ini mengadapi saat-saat kecemasan seperti banjir atau kebakaran?
103. Apakah cabaran yang pernah pihak muzium hadapi dalam memelihara dan memulihara bangunan ini?
104. Apakah penerimaan masyarakat sekeliling terhadap pembinaan bangunan ini?

#### v. KEJAYAAN/HARAPAN

Sebagai salah seorang yang penting dalam pengurusan dan organisasi di bangunan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan ini, boleh encik ceritakan kejayaan yang pernah di perolehi oleh bangunan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan ini?

105. Apakah kejayaan yang pernah diperolehi oleh bangunan ini?
106. Apakah sumbangan bangunan ini terhadap kemajuan negara?
107. Apakah perasaan encik apabila muzium negeri kelantan ini diiktiraf sebagai salah satu bangunan bersejarah di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005?
108. Apakah harapan encik terhadap penggunaan bangunan ini pada masa hadapan?
109. Apakah perasaan / pesanan / harapan encik kepada remaja-remaja yang bakal menceburkan diri dalam bidang pembangunan ini?
110. Apakah harapan encik terhadap perkembangan dalam bidang pembangunan pada masa akan datang?
111. Akhir sekali, apakah pesanan dan kata-kata terakhir encik kepada masyarakat tentang kepentingan bangunan bersejarah ini?

Demikian tadi temubual mengenai latar belakang dan sejarah pembinaan bangunan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan bersama Encik Zainuddin Bin Abdullah mengenai sejarah pembinaan bangunan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan yang telah ditubuhkan pada tahun 1990 hingga kini. Kami mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian beliau dalam memberikan maklumat mengenai peristiwa pembinaan bangunan ini. Semoga hasil

rakaman ini akan memberi manfaat kepada pendengar, penyelidik dan generasi akan datang. Sekian.



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
Kelantan

**PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN**

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan **PERBADANAN MUSEUM NEGERI KELANTAN** Pada.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat**: -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh).  
Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (Tokoh)

Ketua  Pusat Pengajian  
Fakulti Pengurusan Maklumat,  
Fakulti Sains Pentadbiran dan  
Pengajaran Polisi & Fakulti Undang-  
Undang, UiTM Caw. Kelantan

## GAMBAR



Gambar 1: Gambar ahli kumpulan bersama Encik Zainuddin



Gambar 2: Muzium Negeri Kelantan



Gambar 3: Encik Zainuddin bersama penemubual 1 (Aishatur Hadzirah)



Gambar 4: Encik Zainuddin bersama penemubual 2 (Fatin Atirah)

# **INDEKS**

## **INDEKS**

### **B**

Bangunan 1,18,21-36,44,50,51,53,55-60,62,63,65-69,71-74

Barang 12,16,18,19,20,24,32,37,40,41,42,44-47,50-53,55,58,59,60,61,66

---

### **K**

Kelantan 1,2,14,21,30,31,35,36,38,43,46,55,62-69,71,73,74

---

### **M**

Muzium 1,4,6,14,15-21,23,24,26-45,48-69,71-74

---

### **N**

Negeri 1,2,16,18,20-23,28,30-32,34,36,37,40,41,48,51-55,57,60-65,67-69,71,73,74

---

### **P**

Pameran 18-20,24,27,31,32,34,37,39,40,43-57,62,65,66

Pegawai 30,44,52,60,62,67

Pengarah 27-30,33,52,54,59

Penyelia 18,19,37,51,53,66

---

### **S**

Sejarah 1,21,24,25,42,46,47,52,53,55,56,59,62-65,67-69,71,72

Sumbangan 19,36,62,71,74,